

BAB 5

WANITA DAN PENDIDIKAN

Secara umumnya pendidikan yang dirancang oleh pihak British untuk kaum wanita di negeri-negeri Melayu hanya bermatlamat untuk menjadikan mereka surirumah yang baik bagi lelaki Melayu yang berpendidikan.¹ Di pihak rakyat pula, ia memadai untuk membolehkan anak perempuan mereka kenal huruf sebelum memasuki alam berumahtangga. Dengan matlamat yang terhad ini, pihak British seringkali mengaitkan kesukaran memperkenalkan pendidikan moden kepada orang Melayu dengan sikap golongan tersebut yang sukar menerima perubahan berbanding bangsa lain. Meskipun perkara ini memang berlaku namun sejarah perkembangan pendidikan perlu ditinjau dalam konteks yang lebih luas. Norma-norma hidup yang telah lama diamalkan dan tentunya memerlukan masa untuk menerima pembaharuan dari luar, masalah kemiskinan, serangan penyakit, pengangkutan dan minat yang cepat luntur kerana guru yang tidak terlatih adalah di antara perkara yang perlu diambilkira. Lebih menarik lagi pengalaman Kedah menunjukkan kerajaan sendiri sebenarnya diragui kesungguhannya di sebalik peruntukan kewangan yang sentiasa meningkat untuk memajukan pendidikan di negeri itu² seperti yang dilihat melalui bilangan sekolah perempuan yang terlalu kecil berbanding sekolah lelaki sehingga selepas 1945.

¹ CO 717 143/51898 Durbar of Rulers of F.M.S., 25 November 1939.

² Lihat Apendiks D Perbelanjaan kerajaan Kedah untuk pendidikan.

Tinjauan Umum Perkembangan Pendidikan Di kalangan Kanak-Kanak Melayu Di Kedah

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Cheeseman, pendidikan di Tanah Melayu sebenarnya bermula dengan penubuhan sekolah-sekolah al-Quran.³ Al-Quran menjadi asas utama pendidikan orang Melayu: sesiapa yang boleh membaca al-Quran dianggap berpendidikan. Dengan demikian penubuhan sekolah pondok merupakan pemandangan biasa di Kedah sebelum kemasukan British kerana sekolah pondok wujud atas inisiatif guru-guru agama yang bermurah hati untuk mengajar dengan mendapat imbuhan bayaran zakat dan sedekah.⁴ Walau bagaimanapun, inisiatif pihak British memajukan bentuk pendidikan moden yang bermodelkan sistem pendidikan sebagaimana yang giat diperkenalkan di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu tidak harus diperkecilkan. Meskipun bermula dalam keadaan daif dari segi bangunan sekolah, perabot, masalah kakitangan yang bukan sahaja tidak mencukupi malah tidak berpengalaman dalam selok belok pentadbiran sekolah serta sesetengahnya tidak amanah,⁵ namun kemunculan secara beransur-ansur sekolah vernakular⁶ dan agama di

³ H. R. Cheeseman 1955, "Education in Malaya, 1900-1941," *The Malayan Historical Journal*, 2 (1), hlm. 31. Di negara-negara Asia Tenggara sebelum kedatangan kuasa Barat, sistem pendidikan tradisional sudahpun wujud dan bertapak kukuh. Di biara-biara di Burma, rahib Buddha sudahpun mengajar kanak-kanak tentang keagamaan, bahasa yang suci dan amalan tradisi. Lihat, J. S. Furnivall 1943. *Educational Progress in Southeast Asia*, New York: Institute of Pacific Relations, hlm. 13.

⁴ Pondok merupakan institusi pendidikan tertua yang telahpun wujud sebelum penjajahan British lagi. Sistem pembelajaran ini wujud atas inisiatif tempatan untuk memenuhi keperluan penduduk di sesebuah kampung. Berbeza dengan Sekolah Melayu dan Sekolah Rakyat yang mempunyai kurikulum yang bercorak sekular dengan sedikit pendidikan agama, kurikulum sekolah pondok berteraskan pendidikan agama sepenuhnya. Untuk keterangan lanjut, lihat Awang Had Salleh 1981. "Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah," kertas kerja yang dibentangkan dalam Konvensyen Sejarah Negeri Kedah, anjuran Kerajaan Negeri Kedah, Darulaman.

⁵ CO 716 Kedah Annual Report September 1905 – Ogos 1906, hlm. 4. Ku Yahyah, *assistant Auditor General*, yang dilantik sebagai Pengusaha Pelajaran di antara 1906 hingga 1908 telah dibuang kerja dan dihukum penjara kerana menggelapkan baucer wang yang menyebabkan ramai kakitangan pendidikan di negeri itu tidak mendapat gaji. Tempatnya digantikan oleh Sheikh Ahmad yang disifatkan sebagai seorang yang rajin berusaha untuk meningkatkan mutu pelajaran dan kedatangan murid ke sekolah.

⁶ Sekolah Vernakular merujuk kepada Sekolah Melayu.

negeri itu sekurang-kurangnya memberi peluang kepada anak-anak muda membuat sesuatu yang berfaedah selepas waktu sekolah.⁷

Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud usaha memulakan pendidikan moden di Kedah bermula atas usaha pihak luar sepenuhnya. Kedah, sebagaimana yang telah dibincangkan, merupakan sebuah negeri yang bersedia mencontohi kemajuan yang dicapai oleh negeri-negeri Melayu yang berada di bawah pentadbiran British. Lawatan ke luar negeri yang sering dilakukan oleh sultan-sultan Kedah banyak dijadikan panduan untuk memajukan negeri. Pendedahan hubungan dengan Siam dan Pulau Pinang benar-benar memberi kesan kepada gerakan pemodenan termasuk kemajuan dalam bidang pendidikan. Sebelum sekolah Melayu berkembang di Kedah pada awal abad ke-20, anak-anak Kedah sudahpun belajar di luar daerah seperti di Singapura dan Pulau Pinang. Pendekata sebelum kehadiran British, sudah terdapat anak-anak Kedah yang sudah tahu berbahasa Inggeris yang terdiri daripada anak-anak raja, bangsawan dan pemuda Melayu Kedah yang merantau dengan menjadi kelasi kapal.⁸ Antara 1840-an hingga 1850-an, terdapat anak-anak raja Kedah yang belajar di Sekolah Keasberry di Singapura dan di Seberang Perai yang menjadi markas masyarakat Kedah yang lari meninggalkan negeri itu akibat serangan Siam pada 1821. Anak-anak Kedah dipercayai belajar di tiga buah sekolah Melayu yang didirikan pada 1862 oleh kerajaan Negeri-Negeri Selat di Seberang Perai iaitu di Bukit Tambun, Permatang Pauh dan Penaga.

⁷ *Ibid.*, hlm. 37. J. G. Richey, Nazir Sekolah yang dilantik pada 1909 setelah Kedah menerima Penasihat British, yang ditugaskan mengawasi perkembangan pendidikan di negeri itu bagi pihak kerajaan telah memberi sumbangan penting dari segi memperkenalkan sukan seperti bola sepak di kalangan pelajar untuk mengelakkan murid-murid membuang masa dengan berjudi selepas waktu sekolah.

⁸ Ismail Salleh 1970. "Persekolahan Melayu di Kedah Hingga Pecah Perang Dunia II," *KDSS*, 4 (1), hlm. 57.

Justeru itu mereka tidak berkecuali dari segi pendedahan kepada pelajaran moden yang diperkenalkan British di kawasan tersebut.⁹

Pendekata, sebelum abad ke-20 lagi, penduduk Kedah sudahpun menyedari keperluan untuk celik huruf. Dengan kesedaran dan usaha orang tempatan inilah sekolah lelaki dan perempuan yang awal didirikan samada oleh golongan atasan mahupun oleh rakyat sendiri. Kedah ternyata mendahului Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dalam perkembangan pendidikan vernakular Melayu. Sekolah Melayu yang terawal di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dibuka di Kelang, Selangor pada 1875 sedangkan Sekolah Melayu (Jawi) yang pertama didirikan di Kedah pada 21 Mei 1861 atas inisiatif Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah di Padang Lepai,¹⁰ dalam daerah Kota Setar, untuk mengajar anak-anak raja, pembesar dan bangsawan. Gurunya ialah seorang munsyi dari Singapura yang bernama Ali Mu'min.¹¹

Seperti biasa, golongan atasan yang biasanya terdedah kepada perhubungan dengan dunia luar lebih mendahului dalam soal pendidikan. Sultan Abdul Hamid, misalnya, sejak 1880-an lagi telah mengambil khidmat seorang rakyat Amerika berbangsa Perancis bernama Encik Quays untuk mengajar putera-putera baginda sebagai mencontohi langkah Raja Mongkut mengupah Puan Leonowens mengasuh dan mengajar putera-puteranya. Penduduk di Changlun, di sempadan Kedah-Siam, telah membina sekolah Melayu yang pertama pada 1892 semata-mata kerana ingin keluar daripada dunia buta huruf. Penubuhan sekolah ini adalah hasil usaha Penghulu

⁹ Bukhari bin Abdullah 1982. "Sejarah Perkembangan Pelajaran Sekolah Inggeris di Kedah, 1909-1940," Latihan Ilmiah (Jabatan Sejarah), Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 25.

¹⁰ Sekarang dikenali sebagai Jalan Pintu Sepuloh.

¹¹ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 210.

Changlun, Datuk Wan Kemara, dan Imam Lebai Saikol dan isterinya yang berasal dari Pulau Pinang.¹² Faktor yang mendorong perubahan ini ialah kerana mereka tinggal di salah satu laluan gajah yang utama antara pantai barat dan pantai timur serta perhubungan dengan pedagang yang lalu lalang turut mencetuskan kesedaran tersebut.¹³ Orang yang celik huruf sangat dihormati oleh penduduk setempat kerana mereka menjadi harapan kepada penduduk untuk menulis surat, petisyen dan menyelesaikan pertikaian tentang harta dan sebagainya.

Lima tahun kemudian iaitu pada 1897, sekolah Melayu yang pertama di Alor Setar didirikan di Jalan Baharu atas inisiatif Wan Abdullah, seorang Menteri di Kedah dengan guru pertamanya, Che Ahmad bin Kerani Maidin. Sebelum itu tiada sekolah didirikan di bandar Alor Setar tetapi wujud orang perseorangan yang memberi khidmat sukarela mengajar bahasa Melayu di rumahnya secara persendirian. Salah seorang daripadanya ialah Encik Mohammed Tambi sementara Dr. Gomez (berbangsa Ceylon yang akhirnya memeluk Islam) mengajar bahasa Inggeris kepada kanak-kanak yang ingin belajar.¹⁴ Perkembangan pesat sekolah-sekolah Melayu di Kedah juga adalah atas sokongan Raja Muda Tunku Abdul Aziz (1896-1907) yang menjadi Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Kedah yang telah dibentuk pada 1905. Dalam masa inilah beberapa buah sekolah didirikan, antaranya, di Kulim (1896), Jalan Baharu, Alor Setar (1897), Yan (1900) dan Bohor (1904). Pada 1907, Sekolah Melayu Alor Merah didirikan atas usaha penghulu sementara guru besarnya Encik Arshad dan pembantunya Tuan Haji Salleh berasal dari Pulau Pinang. Dalam tahun berikutnya Sekolah Melayu Bandar

¹² *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Kedah* 1976. Kedah: Jabatan Pelajaran Kedah, hlm. 3.

¹³ Dato' James F. Augustine 1996. *Kedah Zaman Silam*, Kedah: Muzium Negeri Kedah Darul Aman.

¹⁴ Ismail bin Salleh, "Persekolahan Melayu di Kedah," hlm. 58.

Baharu didirikan atas inisiatif penduduk setempat. Sewaktu Raja Muda Tunku Abdul Aziz menjadi Presiden Majlis Mesyuarat Negeri, Tunku Yahya bin Tunku Zainol Abidin telah dilantik sebagai Penguasa Pelajaran Kedah yang pertama pada 1907 yang dipertanggungjawab mengatur pembukaan sekolah di mana perlu. Beliau bertugas sehingga 1908 dan kemudiannya tugas itu diambilalih oleh Sheikh Ahmad Mohd. Sharif dan J. G. Richie sebagai Nazir. Selepas kemangkatan Tunku Abdul Aziz pada bulan Mei 1908, usaha memajukan pendidikan di Kedah diteruskan pula oleh Tunku Mahmud yang turut mengambilalih jawatan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri. Hasil kesungguhan kedua-dua kerabat diraja ini, bilangan sekolah Melayu semakin bertambah dari masa ke semasa. Menjelang 1908, terdapat 15 buah sekolah Melayu di negeri Kedah dengan 25 orang guru dan 1,017 orang murid sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 5.1.

Jadual 5.1 Bilangan Sekolah Melayu di Kedah, 1908.

Nama Sekolah	Bilangan Guru	Bilangan Murid	Purata Kedatangan
Sekolah Melayu, Alor Setar	4	164	100
Sekolah Perempuan, Alor Setar	1	28	18
Alor Merah	2	82	50
Kuala Kedah	1	70	64
Kepala Batas	2	72	50
Kulim (Pekan)	2	31	14
Simpang Tiga, Kulim	2	48	31
Mukim Keladi, Kulim	1	41	33
Naga Lilit, Kulim	1	26	16
Guar Lobak, Kulim	1	90	80
Sidam, Kulim	1	35	20
Kuala Muda	3	132	90
Siputeh	1	60	40
Yan	1	60	40
Mukim Junjong, Kulim	2	78	68
Jumlah	25	1,017	724

Sumber: CO 716 Kedah Annual Report, September 1906-Februari 1908, hlm. 37.

Dari segi bilangan guru, bilangan murid dan purata kedatangan, Sekolah Melayu di Alor Setar dan Kuala Muda mencatatkan bilangan yang tinggi. Purata kedatangan di Sekolah Melayu, Alor Setar yang mempunyai 164 orang pelajar pada 1908, misalnya, mencapai 100% sementara di Kuala Muda yang mempunyai 132 orang pelajar, purata kedatangan ialah 90%.

Semasa Tunku Yahya menjadi Penguasa Pelajaran, undang-undang yang mewajibkan orang Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah telah diperkenalkan. Ia sebenarnya seiring dengan langkah kerajaan Negeri-Negeri Selat memperkenalkan undang-undang yang mensyaratkan kanak-kanak yang tinggal dalam lingkungan $1\frac{1}{2}$ batu daripada sekolah Melayu dihantar ke sekolah. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, kanak-kanak itu akan dihantar ke sekolah kanak-kanak jahat yang baru ditubuhkan di Singapura pada 1901. Pada 1902, undang-undang ini dikuatkuasakan di Melaka sementara di Seberang Perai pula pada 1904 dan di Pulau Pinang (di kawasan luar bandar) pada 1908.¹⁵ Di Kedah pula perjanjian dibuat dengan ibu bapa agar menghantar anak-anak mereka ke sekolah tidak kurang daripada 150 hari dalam setahun. Denda akan dikenakan sekiranya perjanjian ini tidak dipatuhi.¹⁶ Meskipun tidak dapat dipastikan sejauhmana perjanjian itu dilaksanakan namun sekurang-kurangnya ia mempamerkan sudah wujud dasar yang diusahakan oleh kerajaan tempatan untuk memajukan pendidikan di negeri itu sebelum penaklukan British lagi.

Sekolah Inggeris kerajaan atau “Government English School (disebut selepas ini sebagai GES) yang pertama telah didirikan di Alor Setar pada Disember 1908.

¹⁵ Mansur Sanusi 1955. *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, Pulau Pinang: Sinaran Brothers, hlm. 51.

¹⁶ Bukhari bin Abdullah, “Sejarah Perkembangan Pelajaran Sekolah Inggeris di Kedah,” hlm. 36.

Sekolah ini menerima murid-murid daripada pelbagai bangsa dengan majoriti terdiri daripada pelajar Melayu. Guru Besar yang pertama ialah Muhammad Iskandar, bekas guru di Penang Free School, Pulau Pinang. Semasa pembukaan GES pada 8 Disember tiada seorangpun murid atau ibubapa yang hadir. Sambutan dingin ini disebabkan wujudnya prasangka bahawa sekolah tersebut mengajar agama Kristian. Namun Muhammad Iskandar tidak patah semangat malah dengan bantuan Sheikh-ul-Islam dan seorang imam yang bernama Haji Jaafar, beliau sanggup pergi dari rumah ke rumah untuk mendapatkan pelajar. Kesannya, pendaftaran murid ke sekolah berkenaan meningkat dari masa ke semasa.¹⁷

Sehingga 1914, terdapat 2,997 orang murid berdaftar di sekolah Melayu di Kedah dengan 93 orang guru biasa dan 44 orang guru al-Quran. Jumlah ini meningkat lebih dua kali ganda pada akhir 1915 iaitu 4,074 orang murid-murid berdaftar dengan catatan 3,362 kedatangan berbanding 2,369 sebelumnya.¹⁸ Sementara bilangan guru sekolah Melayu pula meningkat kepada 115 orang dan guru al-Quran kepada 58 orang. Banyak faktor mempengaruhi kedatangan murid-murid. Selain daripada sikap ibubapa yang masih keberatan menghantar anak-anak bersekolah kerana prasangka terhadap pendidikan barat, serangan penyakit menjadi satu sebab kedatangan murid mengalami turun naik. Purata kedatangan di seluruh Kedah, misalnya, jatuh pada 1919 iaitu daripada 85% pada tahun sebelumnya kepada 81% akibat wabak influenza.¹⁹ Dalam pada itu A. E. G. Stuart,²⁰ Penguasa Pelajaran yang baru dilantik pada 1914, turut

¹⁷ Sekarang sekolah ini dikenali sebagai Maktab Sultan Abdul Hamid. Lihat, Dato' James F. Augustin, *Kedah Zaman Silam*, hlm. 116-117.

¹⁸ P/SP2 Federal Secretariat Kedah Annual Report 1333 (19 November 1914-8 November 1915), hlm. 9.

¹⁹ P/SP2 Federal Secretariat Kedah Annual Report 1337 (7 Oktober 1918-25 September 1919), hlm. 8.

²⁰ Seramai 5,652 orang murid berdaftar pada tahun berkenaan.

E. A. G. Stuart dari Maktab Melayu Kuala Kangsar berkhidmat selama 15 tahun sebagai Penguasa Pelajaran Kedah. Beliau memegang jawatan tersebut sehingga meninggal dunia pada 12 Oktober 1927.

menyalahkan penghulu yang dilihat tidak berusaha menggalakkan kedatangan murid-murid ke sekolah. Di bawah pimpinan Stuart, pendidikan di Kedah diperkembangkan dengan melengkapkan kemudahan seperti kerusi, meja, alat tulis dan bahan bacaan di sekolah, pembukaan sekolah baru, sekolah-sekolah lama digantikan dengan bangunan baru terutamanya di luar bandar, menggalakkan kanak-kanak perempuan ke sekolah dan menghantar guru-guru ke Maktab Perguruan Melaka dan Tanjong Malim. Sementara menunggu guru-guru ini menamatkan latihan, kebanyakan guru masih diambil dari Pulau Pinang.²¹

Selain daripada masalah-masalah tersebut, Jabatan Pendidikan sebenarnya terpaksa tunduk kepada tekanan persekitaran, misalnya, membenarkan sekolah Melayu bercuti semasa bulan puasa serta dua masa lain (dengan tempoh 15 hari setiap satu) untuk menanam dan menuai padi.²² Cuti sekolah sebenarnya berkait rapat dengan kepentingan ibu bapa. Bagi orang Melayu, bulan puasa amat memenatkan anak-anak mereka yang bersekolah lalu kesannya kebanyakan sekolah menjadi lengang dalam bulan tersebut. Begitu juga semasa musim menanam dan menuai padi, anak-anak lelaki dan perempuan diperlukan untuk membantu kerja-kerja di sawah sehingga sekolah menjadi lengang. Keperluan sosio-ekonomi seperti ini menjadi satu faktor mengapa cuti sekolah terpaksa diadakan dalam musim padi. Sejak G. Mc Donough menjadi Penguasa Pelajaran (1912-1914), cuti penggal persekolahan diatur bersesuaian dengan waktu kerja sawah. Guru Besar dikehendaki berunding dengan penghulu bagi

dan dikebumikan di tanah perkuburan Kristian di Jalan Day. Lihat, Ismail Salleh, "Persekolahan Melayu di Kedah," hlm. 59.

²¹ *Ibid.*

²² SUK Kedah 2326/1342 *Preliminaries with regard to the organization of the Malay Girls' School, Alor Setar.*

menentukan cuti menanam dan menuai padi, tiap-tiap satunya selama 15 hari. Cuti bulan puasa pula diluluskan selama 13 hari.²³

Beberapa pembaharuan turut diperkenalkan dalam memperkembangkan sistem pendidikan moden di Kedah. Pada 1917, Peperiksaan Darjah Tujuh telah diadakan buat pertama kali di negeri itu. Kelulusan dalam peperiksaan ini penting bagi membolehkan calon memasuki perkhidmatan perkeranian. Pada 1919 pula buat pertama kali dalam sejarah pendidikan negeri itu, *Cambridge Local Junior Class* di adakan sebagaimana yang telah diadakan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Sijil *Junior Cambridge* juga merupakan syarat untuk memasuki perkhidmatan perkeranian kerajaan. Pada September 1921 pula latihan teknikal dimulakan di beberapa buah sekolah.²⁴ Apabila Maktab Latihan Perguruan Melaka yang dibuka pada 1900 telah ditutup pada 1922, pelajar-pelajarnya telah dipindahkan ke Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) yang dibuka pada 1922 di Tanjung Malim. Di Maktab tersebut, kursus telah dipanjangkan kepada tiga tahun. Dalam hal ini, kerajaan Kedah telah diperuntukkan empat orang calon pelatih untuk dihantar ke SITC pada setiap tahun. Dalam tempoh antara Ogos 1923 sehingga Ogos 1924, dua orang pelajar dari Kedah telah menamatkan latihan mereka di SITC dan kemudiannya kembali bertugas sebagai guru di sekolah kerajaan di negeri itu.²⁵ Dalam tempoh antara 1930 hingga 1931 pula, Sekolah Perdagangan dibuka sebagai percubaan. Tujuan diadakan sekolah ini ialah untuk melengkapkan murid-murid dengan pengetahuan praktikal bagi membolehkan mereka bekerja dalam bidang pembinaan dan sebagainya. Penubuhan Sekolah Perdagangan juga bertujuan

²³ *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Kedah*, hlm. 7.

²⁴ Lihat, *P/SP2 Federal Secretariat Kedah Annual Report 1338 (26 September 1919-14 September 1920)* dan *SUK Kedah 322/1340 Kedah Annual Report 1339 (15 September 1920-3 September 1921)*.

²⁵ *CO 716 Kedah Annual Report 1342 (14 Ogos 1923-1 Ogos 1924)*, hlm. 12. Lihat juga, *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Kedah*, hlm. 7. Bilangan ini bertambah menjadi empat orang dalam tahun 1925 dan pada 1931, lapan orang telah dihantar ke Maktab tersebut.

meningkatkan keyakinan diri bagi membolehkan pelajar membuka perniagaan sendiri.²⁶

Jadi secara umumnya, Sekolah Melayu menyediakan empat tahun persekolahan di peringkat rendah. Selepas tamat persekolahan, murid-murid sekolah Melayu mempunyai tiga alternatif. Bagi yang bijak, mereka boleh memohon masuk ke sekolah Inggeris, atau masuk ke Sekolah Perdagangan sementara yang lain mencari kerja atau meneruskan usaha bapa mereka menjadi petani. Darjah lima dan enam pula merupakan kelas lanjutan bagi mereka yang berhasrat untuk menjadi guru.

Selain daripada golongan pemerintah, pembesar dan bangsawan, usaha menubuhkan sekolah Melayu juga datang daripada pihak rakyat. Penghulu dan imam sebagai orang yang berpengaruh dalam kampung biasanya memainkan peranan dalam menggerakkan usaha tersebut dengan mengemukakan permohonan kepada kerajaan. Walaupun tidak semua permohonan diluluskan memadailah jika ditinjau kesungguhan penduduk kampung dalam memberi pendidikan kepada anak-anak mereka yang dapat dikesan melalui surat-surat petisyen yang dihantar kepada kerajaan. Dalam tempoh antara 1928 hingga 1929, kerajaan telah menerima beberapa petisyen daripada orang Melayu dan juga Pegawai Daerah memohon kerajaan membina sekolah di daerah masing-masing. Walau bagaimanapun, kebanyakan permohonan ini adalah untuk membuka sekolah kanak-kanak lelaki. Sebagai contoh, surat yang dihantar oleh Haji Ishak bin Haji Mat Arshad, imam Masjid Permatang Pauh, mukim Sala Besar, dalam daerah Yan dan tujuh orang rakannya yang memohon kerajaan membuka sekolah Melayu di mukim Sala Besar dengan alasan terdapat 138 orang kanak-kanak yang

²⁶ CO 716 Kedah Annual Report 1349 (29 Mei 1930-18 Mei 1931), hlm. 34. Pada peringkat permulaan seramai 15 murid-murid daripada Sekolah Inggeris Kerajaan (GES) menjalani latihan dalam pertukangan, pertukangan besi dan bancuhan simen dan batu-bata di samping ilmu kira-kira, membuat anggaran, lukisan dan lain-lain.

menunggu untuk bersekolah di kawasan tersebut.²⁷ Surat petisyen yang bertarikh 4 April 1929 itu memohon kerajaan berlaku adil kerana selama ini kerajaan telah banyak membuka sekolah-sekolah Melayu di negeri itu tetapi mengabaikan mukim Sala Besar. Petisyen ini juga menegaskan kesediaan beberapa orang tuan tanah memberikan tanah percuma untuk dijadikan tapak sekolah tersebut.²⁸

Permohonan penduduk mukim Sala Besar tidak berjaya sebaliknya Pengusaha Pelajaran telah mencadangkan supaya mereka mengemukakan permohonan lain kepada Pejabat Pelajaran untuk membuka sebuah sekolah rakyat sebagaimana yang telah dilakukan di Sala Kechil dalam daerah Kota Setar kerana kawasan yang disyorkan dalam petisyen tersebut mempunyai masalah pengangkutan. Kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan penubuhan sekolah rakyat di mana penduduk setempat dibenarkan menguruskan sendiri sekolah tersebut untuk tempoh tiga tahun dengan dibantu secara *grant-in-aid*.²⁹ Apabila berpuashati dengan perkembangan sekolah berkenaan barulah kerajaan mengambil alih dan membina sebuah bangunan baru. Tindakan ini dilihat oleh kerajaan sebagai satu cara menguji kesungguhan penduduk di mukim Sala Besar untuk memperkenalkan pendidikan yang boleh mendatangkan faedah kepada penduduk di mukim tersebut. Hal ini juga berkait rapat dengan dasar kerajaan tentang sekolah rakyat:

Government should not cease, as and when finances permit, to build new schools, but in deciding where to erect them, should give preference to the localities where successful rakyat schools

²⁷ SUK Kedah 2956/1347 *Establishment of a Malay Vernacular School in Mukim Sala Besar*. Nama kanak-kanak juga disenaraikan dalam petisyen ini.

²⁸ *Ibid.*, Lihat "Notes in Connection with Petition for School at Sala Besar in S. C. 2956-47."

²⁹ Polisi *grant-in-aid* ini bermula pada 1870-an dan memerlukan setiap pelajar menduduki peperiksaan agar sekolah itu boleh diberi gred. Berdasarkan gred ini geran per kapita diberi kepada sekolah berkenaan. Polisi ini asalnya ditujukan kepada sekolah Inggeris. Untuk keterangan lanjut mengenai polisi ini, lihat Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hong 1975, *Education in Malaysia* (second Edition), Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia), Ltd., hlm. 31.

had been erected and aim first at replacing these very temporary structures by better buildings.³⁰

Pembinaan sekolah baru adakalanya terpaksa dijalankan untuk mengurangkan kesesakan di sekolah-sekolah yang berhampiran. Pada 14 Ogos 1933, Majlis Mesyuarat Negeri, misalnya, telah meluluskan pembinaan sebuah sekolah Melayu di Suka Menanti, dalam daerah Kota Setar dengan perbelanjaan sebanyak \$4,500.00 untuk mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh Sekolah Alor Merah yang berdekatan yang bukan sahaja padat dengan pelajar tetapi tidak mempunyai kemudahan padang untuk kegiatan senaman, taman dan tempat pertukangan. Alor Merah yang juga terletak dalam daerah Kota Setar merupakan satu kawasan yang padat dengan penduduk sedangkan kemudahan yang terdapat di sekolah itu begitu daif.³¹

Pada 18 Disember 1928, satu lagi petisyen diterima daripada Pegawai Daerah Bandar Baharu yang memohon kerajaan membina sekolah di mukim Mahang bagi menempatkan kanak-kanak lelaki dari Kampung Ulu Mahang, Ulu Krian, Kampung Lobak dan Kampung Bukit Kekabu yang kesemuanya berjumlah 70 orang. Penduduk di kawasan tersebut rata-ratanya hidup miskin dan tidak mampu menghantar anak-anak ke sekolah yang jauh daripada kampung mereka.³² Pada tahun yang sama juga permintaan membina sekolah untuk anak-anak perempuan semakin diterima kerajaan negeri berikutan keputusan Lembaga Pendidikan untuk menghentikan kemasukan kanak-kanak

³⁰ SUK Kedah 281/1352 District Officer 13 Mei 1933. *Rakyats ask to erect a temporary Malay Schools at Yan Kechik in Yan.*

³¹ SUK Kedah 1127/1352 Superintendent of Education 11 Julai 1933 *Erection of Malay School at Suka Menanti in Mukim Pumpong, Kota Setar.*

³² SUK Kedah 1886/1347 District Officer Bandar Baharu 18 Disember 1928. *Establishment of a Malay Vernacular School at Machang, Bandar Baharu.* Kerajaan bersetuju menggunakan sebuah klinik (dispensari) lama di daerah Bandar Bahru untuk tujuan berkenaan.

perempuan ke sekolah lelaki.³³ Meskipun jumlah murid yang berdaftar semakin meningkat pada tahun berikutnya, misalnya, pada 1932 berjumlah 10,903 orang namun masih banyak kawasan yang padat dengan penduduk belum mempunyai sekolah.³⁴ Oleh itu desakan semakin diajukan kepada kerajaan negeri untuk mengadakan sekolah-sekolah Melayu.

Sebagaimana juga yang dialami oleh Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, masalah kesukaran mendapatkan guru yang mencukupi dan terlatih turut berlaku di Kedah. Satu-satunya kolej untuk melatih guru ialah di Teluk Belanga, Singapura, pada 1878. Guru-guru pelatih yang biasanya diambil daripada kalangan pelajar yang telah tamat darjah Lima sekolah Inggeris dihantar ke kolej tersebut termasuk dari Pulau Pinang. Guru-guru inilah yang kemudiannya diambil berkhidmat di Kedah kerana Kedah waktu itu belum mampu mengeluarkan guru yang terlatih. Masalah ketiadaan guru yang terlatih ini menyebabkan pelajar cepat bosan, hilang minat untuk belajar dan akhirnya tidak kekal lama di sekolah. Tanpa latihan sesetengah guru tidak berupaya mengawal disiplin murid-murid kerana mereka lebih takut kepada ibubapa kanak-kanak.³⁵ Dalam kalangan guru sendiri ada yang berhadapan dengan masalah disiplin dan tidak jujur dalam tugas, misalnya, ada yang terlibat membakar sekolah pada 1916. Masalah disiplin seperti ini berlanjutan sehingga 1940-an.³⁶

³³ CO 716 *Kedah Annual Report 1347 (20 Jun 1928-8 Jun 1929)*, hlm. 24.

³⁴ CO 716 *Kedah Annual Report 1350*, hlm. 29.

³⁵ SUK Kedah 2371/1353 *Under Secretary to Government 20 Oktober 1934. Kedah Education Report: Regarding Improvement to Method of Koran Teaching and Religious Instruction in Malay Schools*. Guru-guru yang awal biasanya dibawa daripada Pulau Pinang.

³⁶ P/SP2 *Federal Secretariat Kedah Annual Report 1334 (9 November 1915-27 Oktober 1916)*, hlm. 8. Banyak lagi aduan diterima daripada rakyat tentang tingkah laku guru di beberapa buah sekolah di negeri itu. Misalnya, dilaporkan ada guru-guru yang mengutip zakat padi lapan gantang daripada anak-anak murid, mengenakan bayaran kepada murid-murid yang hendak mengambil sijil tamat sekolah dan berbagai lagi aduan. Lihat, SUK Kedah 970/1360 *Under Secretary to Government 6 September 1941. Miscellaneous Petitions against certain Malay School Teachers*.

Satu lagi masalah yang dihadapi dalam perkembangan pendidikan bukan sahaja di Tanah Melayu bahkan di Asia Tenggara sehingga selepas Perang Dunia Kedua ialah kekurangan buku teks dan harga buku teks yang mahal.³⁷ Pada awal 1932 didapati satu pertiga daripada murid-murid di Sekolah Melayu belajar tanpa buku teks disebabkan ketidakupayaan ibubapa membeli buku untuk anak-anak mereka. Berdasarkan banci buku teks yang diterima, sejumlah 7,065 buah buku diperlukan untuk 79 buah sekolah (daripada 88 buah sekolah) yang terdapat di negeri Kedah. Oleh kerana setiap orang murid menggunakan dua buah buku, ini bermakna satu pertiga daripada keseluruhan 10,828 orang murid di negeri itu belajar tanpa buku. J. Bain, Pengguna Pelajaran (1930-1933) pernah menggesa buku-buku diberi secara percuma di Kedah sebagaimana yang dilakukan di Perak dan Selangor. Sejak 1926, empat buah sekolah telahpun diberi bantuan buku percuma kepada murid-murid yang benar-benar tidak mampu membeli buku teks. Namun di masa kemelesetan ekonomi, cara ini didapati tidak boleh memberi keadilan kepada semua pihak kerana tentunya semua sekolah akan membuat permohonan yang sama. Ibu bapa yang benar-benar berusaha mengumpul wang untuk membeli buku meskipun mengalami kesempitan hidup pastinya akan merasa kecewa apabila mendapati anak orang lain yang tidaklah seteruk mereka dari segi kewangan akhirnya turut mendapat bantuan buku teks. Untuk mengatasi masalah ini Pengguna Pelajaran memohon kuasa untuk menjual buku dengan separuh harga.³⁸ Kerajaan meluluskan permohonan ini dan hasilnya kebanyakan pelajar mempunyai buku teks sendiri sebelum akhir tahun persekolahan.

³⁷ Dalam satu kajian oleh UNESCO, fenomena kekurangan guru-guru terlatih, gaji guru yang rendah dan masalah buku teks terus ketara di Asia Tenggara sehingga 1960-an. Lihat, *Higher Education and Development in South-East Asia*, France: UNESCO and International Association of Universities, 1967, hlm. 36-37.

³⁸ SUK Kedah, 567/1350 *Superintendent of Education 12 Julai 1931. Recommends Sale of Books to Malay School Pupils at half the Present Selling Price.*

Pendidikan Anak-anak Perempuan dari Kacamata Penduduk dan Kerajaan

Terdapat dua kecenderungan yang saling bercanggah apabila diteliti dasar-dasar British terhadap pendidikan orang Melayu. Dari satu segi, ekoran kemasukan imigran yang semakin meningkat, wujud gesaan kuat agar orang Melayu dilindungi dengan cara diberikan pelajaran sekalipun secara minima. Dari satu sudut yang lain pula, British bimbang pelajaran Inggeris yang diberikan kepada orang Melayu akan memisahkan kelompok ini daripada persekitarannya.³⁹ Secara tersirat apa yang lebih menakutkan British ialah pelajaran bakal menjadikan orang Melayu lebih cerdik. Meskipun Stevenson pernah menghujahkan bahawa British tidak mempunyai satu dasar yang jelas tentang apa yang harus dilakukan terhadap orang Melayu pada awal penguatkuasaannya di Tanah Melayu namun dari aspek pendidikan sekurang-kurangnya British mahukan orang Melayu menjadi lebih baik sedikit daripada bapa mereka sebagaimana petikan di bawah:

Awak boleh mengajar orang-orang Melayu awak itu, supaya mereka tinggal terus di sawah-sawah padi dan supaya mereka tidak hilang kemahiran dan kesenian dalam kerja-kerja menangkap ikan dan kerja-kerja hutan. Ajarkan mereka supaya memuliakan kerja buruh, supaya mereka menjadi kerani, dan saya yakin awak tidak akan menghadapi kekacauan seperti yang terjadi di India akibat pelajaran berlebihan.⁴⁰

Pandangan sebeginilah yang dianuti oleh kebanyakan pentadbir kolonial yang awal di Tanah Melayu. Dengan demikian pendidikan yang diperkenalkan hanyalah untuk asas sahaja dengan tumpuan kepada kawasan bandar. Pelajaran bagi orang Melayu memasuki era baru setelah R. J. Wilkinson dilantik sebagai *Federal Inspector*

³⁹ Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, hlm. 11.

⁴⁰ Ucapan Arthur Noel Kenion, *Proceedings of the Federal Council, F. M. S., 1915*, dipetik daripada Awang Had Salleh, "Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah," hlm. 7. Lihat juga perbincangan Rex Stevenson 1975. *Cultivators and Administrators: British Educational Policy towards the Malays 1875-1906*, London: Oxford University Press, hlm. 193.

of Schools pada 1903. Berbeza dengan orang-orang sebelumnya, Wilkinson tidak melihat sistem Sekolah Melayu sebagai satu “perkhidmatan kebajikan” yang memberi perkhidmatan pelajaran untuk memenuhi tuntutan kehidupan seharian yang biasa sebaliknya ia dilihat sebagai satu saluran dimana budaya Melayu dan kesusasteraan khususnya dapat dipergunakan untuk memenuhi perubahan dalam dunia moden. Sumbangan Wilkinson dapat dilihat daripada usaha beliau menyunting dan memperkenalkan beberapa hasil karya sastera ke sekolah-sekolah, mengetuai usaha mensemperagamkan bahasa Melayu-Rumi yang kemudiannya digunakan dalam penerbitan kerajaan dan diperkembangkan ke dalam kurikulum sekolah Melayu.⁴¹ Usaha memajukan sekolah Melayu diteruskan lagi R. O. Winstedt yang dilantik sebagai Penolong Pengarah Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1916. Berikut laporan yang dikemukakan oleh Winstedt selepas meninjau perkembangan pendidikan di Jawa dan Filipina, sekolah Melayu dikatakan memasuki lembaran baru apabila matapelajaran pertukangan dan industri mula diperkenalkan ke dalam kurikulum sekolah Melayu. Mata pelajaran berkebun dan membuat bakul, tikar dan jala diperkenalkan di semua sekolah lelaki sementara mata pelajaran menjahit, memasak dan membuat bakul diperkenalkan di sekolah perempuan. Ia bertujuan memupuk minat anak-anak Melayu kepada pertanian dan perusahaan di peringkat kampung.⁴²

Meskipun ada perubahan dalam pandangan dan dasar kerajaan terhadap pelajaran bagi orang Melayu secara perlahan-lahan namun pendidikan bagi anak-anak perempuan masih tidak signifikan dan menjadi tempelan kepada sistem persekolahan

⁴¹ Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators*, hlm. 198.

⁴² D. D. Chelliah 1940. “A History of the Educational Policy of the Straits Settlements with Recommendations for a New System Based on Vernaculars,” tesis Ph. D., University of London, hlm. 71.

untuk kanak-kanak lelaki Melayu. Pengkaji seperti Stevenson pernah menghujah bahawa pihak British sejak awal penaklukan sehingga awal abad ke-20 sebenarnya tidak begitu berminat terhadap pendidikan kanak-kanak perempuan Melayu kerana ia dianggap tidak memberi apa-apa faedah dari segi ekonomi.⁴³ Perkara ini jelas dapat dilihat daripada sudut pandangan beberapa orang pentadbir kolonial yang awal. Frank Swettenham, misalnya, berpendapat memandangkan kanak-kanak perempuan dalam masyarakat Melayu begitu terkongkong oleh kawalan ibu bapa dan adat, pendidikan yang diperlukan oleh mereka adalah sedikit sahaja.⁴⁴ Sebaliknya pengkaji terkini seperti Lenore Manderson pula berpendapat kerajaan sebenarnya menyedari perkaitan pelajaran dengan peranan wanita sebagai isteri dan ibu kerana wanita merupakan pendidik utama kepada anak-anak mereka namun usaha kerajaan menyediakan pendidikan kepada orang Melayu tidak mudah dicapai kerana sikap orang Melayu yang menentang pelajaran sekular. Hal ini berkait dengan tanggapan orang Melayu bahawa pelajaran sekular akan menggugat kesucian agama Islam kerana pelajaran berasaskan idea Barat dikaitkan dengan pengembangan agama Kristian, percampuran antara kanak-kanak perempuan dengan kanak-kanak lelaki dan diajar pula oleh guru lelaki, menggalakkan anak perempuan menjadi lebih bebas, ibu bapa kehilangan bantuan anak-anak perempuan di rumah, disiplin dan ketepatan masa untuk ke sekolah adalah asing kepada ibu bapa yang kebanyakannya merupakan petani dan gadis-gadis sendiri tidak berminat untuk belajar.⁴⁵

⁴³*Ibid.*, hlm. 93.

⁴⁴ F. A. Swettenham 1899. *The Real Malay*, London: John Lane The Bodley Head, hlm. 272.

⁴⁵ Lenore Manderson 1978. "The Development and Direction of Female Education in Peninsular Malaysia," *JMBRAS*, 51 (2), hlm. 106-107.

Meskipun tidak dapat dinafikan wujudnya sikap sedemikian di kalangan orang Melayu namun keengganannya ini juga ada kalanya berpunca daripada kegagalan British memahami citarasa orang Melayu. British gagal memahami bahawa orang Melayu masih menjalani kehidupan sebagaimana sebelum campurtangan dengan pendidikan tradisional masih memenuhi kehendak kehidupan mereka. Anak-anak lelaki dan perempuan masih dihantar ke rumah-rumah guru agama untuk belajar membaca al-Quran. Justeru itu kedatangan British dengan idea-idea pendidikan sekular tentunya diterima dengan penuh curiga. Di Negeri-Negeri Selat, percubaan untuk mendirikan Sekolah Melayu pada awal abad ke-19 dan kemudiannya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu juga lambat diterima oleh masyarakat Melayu. Awang Had Salleh mengaitkan keadaan ini dengan teori bahawa sesuatu pembaharuan dari luar itu lambat diterima di tempat-tempat yang telah wujud satu institusi yang serupa atau hampir serupa kerana samada di Kedah mahupun di negeri-negeri lain di Tanah Melayu telah ada institusi dalam pembelajaran al-Quran sebelum kedatangan British.⁴⁶

Betapa kukuhnya corak pendidikan tradisional ini dalam masyarakat Melayu terbukti apabila sekolah-sekolah Melayu yang didirikan pada peringkat awalnya juga tidak mendapat sambutan di kalangan orang Melayu kerana matapelajaran agama tidak diajar. Hanya setelah sekolah-sekolah Melayu turut diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam, barulah darjah-darjah agama diadakan dengan perubahan kurikulum - “sekolah pagi” dikhususkan untuk mengajar mata pelajaran biasa sementara “sekolah petang” dikhaskan untuk pengajian agama. Perubahan ini secara tidak langsung mendorong penerimaan orang Melayu secara beransur-ansur terhadap pengenalan pendidikan moden. Keadaan ini mengukuhkan lagi hakikat bahawa

⁴⁶ Awang Had Salleh, “Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah,” hlm. 16.

pengenalan satu institusi baru hendaklah selaras dengan kefahaman yang sedia ada dalam masyarakat berhubung institusi ini. Ianya juga dapat menjelaskan mengapa sambutan terhadap sekolah Melayu pada peringkat awalnya dingin tetapi kemudiannya mendapat sambutan sekaligus menolak tanggapan bahawa orang Melayu tidak menghayati pelajaran atau pendidikan. Di Kedah sendiri, Sekolah Melayu mulai diterima baik apabila pelajaran agama dikekalkan dan cuti sekolah diselaraskan dengan musim pertanian dan persawahan.⁴⁷

Berdasarkan pemahaman di atas, soal keengganan orang Melayu menghantar anak-anak ke sekolah atas alasan prejedis agama dan sebagainya tidaklah menjadi luar biasa. Memandangkan orang Melayu tidak memisahkan pendidikan daripada agama, seringkali pendidikan yang cuba diperkenalkan oleh British dikaitkan dengan percubaan untuk membawa kanak-kanak kepada agama Kristian. Ia juga dapat menjelaskan mengapa orang Melayu sangat menentang “*co-education*” dengan alasan agama Islam melarang percampuran antara lelaki dan perempuan kerana ia boleh membawa kesan yang tidak baik seperti menggalakkan kanak-kanak belajar menulis surat cinta. Walau bagaimanapun, penolakan orang Melayu terhadap pelajaran yang ditaja oleh British berlaku secara pasif dengan kanak-kanak “disimpan” oleh ibubapa mereka selama mana yang boleh sebelum dihantar ke sekolah. Menurut Cheeseman, perkembangan pelajaran di kalangan orang Melayu pada awalnya adalah kerana enakmen yang mewajibkan anak-anak lelaki dihantar ke sekolah sebagaimana yang diperkenalkan di

⁴⁷ *Ibid.*, hlm. 20-21. Lihat juga, D. D. Chelliah 1940. “A History of the Educational Policy of the Straits Settlements,” hlm. 62. Kejayaan A. M. Skinner, Pemangku Majistret di Province Wellesley membuka semula sekolah-sekolah Melayu di daerah tersebut adalah hasil pemahaman bahawa beliau perlu meneruskan apa yang telah sedia ada dan bukannya membuka sekolah-sekolah baru. Apa yang diperkenalkan mestilah hanya merupakan tambahan kepada sistem persekolahan yang telah sedia ada. Ia berdasarkan sekolah al-Quran yang kemudiannya diperkembangkan secara beransur-ansur untuk memudahkan penerimaan orang Melayu.

Melaka, atau kerana ugutan atau paksaan sebagaimana yang pernah berlaku di Langat pada 1883 dan di Singapura pada awal abad ke-20.⁴⁸

Dalam hal ini peluang kanak-kanak perempuan untuk mendapatkan pelajaran adalah lebih buruk berbanding kanak-kanak lelaki. Menjelang 1902, di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu hanya terdapat 12 buah sekolah kanak-kanak perempuan Melayu: 10 di Perak dan dua di Selangor dengan jumlah murid berdaftar untuk keseluruhan sekolah tersebut hanyalah 234 orang.⁴⁹ Selain bilangan murid perempuan yang rendah, mutu pengajaran juga tidak memuaskan kerana kesukaran mendapatkan guru-guru perempuan. Lebih malang lagi, kanak-kanak perempuan jarang sekali dapat menamatkan persekolahan mereka kerana biasanya ibubapa akan memberhentikan mereka apabila mencapai usia sembilan atau 10 tahun untuk dikahwinkan atau untuk membantu di rumah. Sehingga 1951, masalah keengganan ibubapa menghantar anak-anak perempuan ke sekolah masih kelihatan dan dapat dikesan berpunca daripada beberapa sebab. Pertamanya, ia berkait dengan peranan wanita sendiri yang secara tradisinya tidak pernah dianggap sebagai pencari rezeki yang utama dalam sesebuah keluarga. Tugas wanita hanya menguruskan rumahtangga.⁵⁰ Meskipun perbincangan yang awal menunjukkan pendapat ini hanya benar secara teori sahaja kerana realitinya

⁴⁸ Lihat H. R. Cheeseman, "Education in Malaya, 1900-1941," hlm. 35; Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators*, hlm. 121. Dalam kes ini seorang lelaki menyimpan sembilan orang anak lelakinya di rumah dan enggan menghantar tiga orang anaknya ke sekolah. Keadaan hanya berubah apabila notis dikeluarkan oleh pihak berkuasa bahawa denda akan dikenakan jika mereka enggan menghantar anak mereka ke sekolah. Lihat juga, D. D. Chelliah, "A History of the Educational Policy," hlm. 75. Di Singapura pada 1901 terdapat khabar angin bahawa kanak-kanak lelaki yang tidak bersekolah akan ditangkap dan dihantar ke Sekolah Pemulihan menyebabkan kedatangan murid menjadi bertambah baik.

⁴⁹ Stevenson, *Cultivators and Administrators*, hlm. 94. Untuk meneliti sejarah Sekolah Perempuan di Tanah Melayu, lihat juga H. R. Cheeseman, "Education in Malaya, 1900-1941," hlm. 30-47; H. R. Cheeseman, *Annual Report on Education in the Malayan Union for 1947*; D. D. Chelliah, "A History of the Educational Policy," Lenore Manderson, "The Development and Direction of Female Education in Peninsular Malaysia," hlm. 100-122.

⁵⁰ Caroline Rose Gerhold 1971. "Factors Relating To Educational Opportunity for Women Residents of the Malay Peninsula," tesis Ph. D., Faculty of Graduate School, Cornell University, hlm. 70.

kaum wanita turut keluar rumah bekerja namun tanggapan masyarakat umum bahawa orang lelaki merupakan ketua keluarga yang bertanggungjawab menyara anak isteri paling tidak mempengaruhi sikap orang Melayu termasuk kaum wanita sendiri terhadap soal memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan. Tanggapan sebegini menjadikan wanita Melayu “leka” dan tidak terdesak untuk berubah. Hal ini berbeza dengan wanita Cina yang mana tekanan ekonomi iaitu keperluan mencari wang untuk keluarga menyebabkan wanita imigran Cina menyertai pekerjaan yang dibayar upah. Mereka lebih cepat terdedah kepada masyarakat yang lebih luas, lebih awal mengerti erti kebebasan dan kemajuan termasuk dalam soal mendapatkan pendidikan.⁵¹ Sebaliknya dalam masyarakat Melayu, fenomena mengahwinkan anak-anak perempuan dalam usia yang terlalu muda juga menjadi sebab mengapa kanak-kanak perempuan Melayu sukar mendapat peluang mendapatkan pelajaran selari dengan mentaliti ibubapa bahawa “anak-anak perempuan akhirnya akan ke dapur juga.”

Kedudukan orang Melayu sebagai penghuni utama kawasan luar bandar juga banyak menyekat peluang kanak-kanak Melayu mendapatkan pelajaran. Selain tidak banyak sekolah dibina di kawasan luar bandar, masalah pengangkutan juga menjadi punca mengapa ibubapa keberatan menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Di Kedah, misalnya, jalan pengangkutan yang utama pada awal abad ke-20 adalah jalan gajah dengan pengangkutan kereta lembu menyebabkan agak sukar bagi orang Melayu untuk mengejar perubahan dan terlepas peluang menghantar anak-anak ke sekolah Inggeris yang kebanyakannya dibina di bandar seperti Alor Setar dan Sungai Petani. Akhirnya anak-anak elit Melayu merebut peluang ini dan merekalah yang menjawat

⁵¹ Untuk tinjauan lanjut, lihat Maurice Freedman 1957. *Chinese Family and Marriage in Singapore*, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 43.

pelbagai jawatan dalam kerajaan. Justeru dalam kalangan orang Melayu sendiri terdapat perbezaan antara orang Melayu yang tinggal di bandar dengan di luar bandar. Dalam aspek pendidikan kanak-kanak perempuan ternyata anak-anak perempuan orang Melayu di bandar lebih mendapat peluang untuk mendapatkan pelajaran.

Walau bagaimanapun, penerimaan orang Melayu kemudiannya terhadap pelajaran termasuk untuk anak-anak perempuan dihasilkan oleh gabungan beberapa faktor. Antaranya, kerana sokongan dan galakan daripada pemerintah dan pembesar Melayu yang secara tidak langsung mempopularkan idea ini dalam kalangan masyarakat bawahan. Sekolah perempuan kerajaan yang pertama, misalnya, dibuka pada 1883 di Teluk Belanga iaitu setelah hampir tiga dekad sekolah lelaki Melayu kerajaan wujud. Sekolah perempuan ini dibuka hasil usaha keluarga Diraja Johor.⁵² Di Kedah, beberapa orang pegawai kerajaan sendiri membuka sekolah di negeri itu sementara golongan kerabat diraja sentiasa memberi cadangan dalam menyelesaikan masalah berhubung perjalanan sekolah perempuan. Meskipun adakalanya cadangan-cadangan ini kelihatan bertujuan untuk menjaga kepentingan sekolah yang dikhurasukan kepada kaum kerabat dan anak pegawai kerajaan namun sedikit sebanyak faedahnya turut dirasai oleh semua sekolah perempuan yang ada di negeri itu. Perubahan yang dialami oleh sekolah Melayu sendiri turut membantu penerimaan orang Melayu terhadap pelajaran. Misalnya, sejak

⁵² Lenore Manderson, "The Development and Direction of Female Education in Peninsular Malaysia," hlm. 101-103. Tidak dapat dinafikan perkembangan pendidikan termasuk untuk kanak-kanak perempuan Melayu pada awalnya digerakkan oleh orang perseorangan seperti para mualigh yang dibantu oleh isteri masing-masing. Di Singapura, misalnya, sekolah Perempuan yang pertama dibuka oleh mualigh G. H. Thompson pada November 1822 yang mana kanak-kanak diajar oleh isteri beliau. Beberapa percubaan untuk membuka sekolah untuk kanak-kanak perempuan di Singapura berakhir dengan kegagalan kerana tiada sambutan daripada ibubapa termasuk percubaan pada 1858 oleh Keasberry dan isterinya. Sekolah Lelaki dan Perempuan yang pertama di Tanah Melayu dibuka pada 1816 (Penang Free School). Seiring dengan itu dibuka pula sekolah perempuan pada 1817 tetapi ditutup kemudiannya pada 1821 kerana tiada bantuan kewangan dan sukar mendapat pelajar. Sekolah ini dibuka semula pada 1828. Di Melaka, sekolah perempuan yang pertama telah dibuka pada 1822. Pada 1890 sekolah perempuan pertama dibuka di Perak dan menjelang 1895 Perak sudah mempunyai enam buah sekolah perempuan sementara Selangor hanya mempunyai sebuah sekolah Perempuan.

1890-an lagi banyak sekolah Melayu dikendalikan oleh guru-guru Melayu yang dilatih melalui sistem “student atau pupil-teacher.”⁵³ Di bawah sistem ini murid-murid yang telah tamat sekolah rendah diambil menjadi pembantu guru. Kesannya, sekolah-sekolah kampung lebih mempunyai identiti tempatan dan penduduk kampung lebih selesa melibatkan diri dalam kegiatan sekolah. Walau bagaimanapun, salah satu faktor yang dianggap paling penting oleh Roff, selain daripada pembangunan perbandaran dan kawalan British sendiri, ialah perbandingan yang telah mula dibuat oleh orang Melayu ekoran perubahan dalam ekonomi yang bukan sahaja menyebabkan bilangan orang Cina menjadi bertambah ramai malah juga menjadi semakin rajin dan sukar disaingi. Salah satu bukti kejayaan orang Cina boleh dilihat dari segi jumlah sekolah Cina yang muncul sehingga 1938 sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 5. 2

Jadual 5. 2 Sekolah Rendah, Murid-murid dan Guru-guru di Tanah Melayu, 1938

Pengantar (Medium)	Bilangan Sekolah	Bilangan Murid	Bilangan Guru
Melayu	788	56,904	2,810
Inggeris	271	41,917	2,350
Cina	996	86,147	3,556
Tamil	607	26,271	864

Sumber: Malaysia, Ministry of Education, EPRD, *Educational Statistics of Malaysia, 1938-1967*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1968, dipetik daripada Tan Liok Ee 1997. *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, New York: Oxford University Press, hlm. 19.

Daripada jadual 5.2, kesungguhan orang Cina memajukan pendidikan meskipun sehingga 1920 sekolah-sekolah Cina berkembang tanpa bantuan kerajaan dapat dilihat daripada jumlah sekolah Cina, murid-murid dan guru-guru Cina yang akhirnya berjaya mengatasi sekolah, murid-murid dan guru-guru Melayu pada 1938. Pada tahun itu

⁵³ Stevenson, *Cultivators and Administrators*, hlm. 136.

Sekolah Cina mengatasi Sekolah Melayu sebanyak 208 buah, dengan lebihan seramai 29,243 murid berbanding murid sekolah Melayu dan mengatasi bilangan guru Melayu seramai 746 orang.

Arah tuju pendidikan yang menjadi lebih jelas setelah ianya diletakkan di bawah kawalan kerajaan pada awal abad ke-20 turut dipermudahkan perjalannya dengan perubahan pemikiran yang berlaku dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Menjelang 1920-an orang Melayu sudahpun membincangkan soal pendidikan untuk anak bangsa mereka termasuk untuk anak-anak perempuan. Kemunculan golongan pelajar Melayu lulusan Timur Tengah dengan idea Islah seringkali dilihat sebagai titik awal ke arah seruan mendidik anak-anak perempuan.⁵⁴ Golongan yang dikenali sebagai “Kaum Muda” kerana menekankan pengembalian kepada Islam berdasarkan Hadis dan al-Quran serta membuang adat-adat yang bercanggah dengan Islam telah menjadikan suratkhabar, majalah dan novel sebagai saluran untuk menyalurkan idea-idea pembaharuan sementara golongan guru pula menyalurkan idea mereka melalui *Majalah Guru*.⁵⁵

⁵⁴ Pergerakan liberal yang dipelopori oleh Muhammad Abduh di Mesir yang bermula dari 1845 hingga 1892 telah berjaya mempengaruhi fikiran anak-anak Melayu yang belajar di sana. Pada 1924 pula pemerintahan Khalifah di Turki telah digulingkan oleh pergerakan Turki moden Mustafa Kamal. Sejak itu Turki menjadi contoh kepada pergerakan-pergerakan moden dalam Islam dan di seluruh negara Islam. Ia turut memberi kesan kepada Semenanjung Tanah Melayu. Selepas Perang Dunia Pertama, dan terutamanya di awal 1920-an, dengan meningkatnya pendapatan ekoran harga getah yang melambung tinggi, lebih ramai orang Melayu menghantar anak-anak mereka belajar di Timur Tengah.

⁵⁵ Antara majalah dan akhbar “Kaum Muda” ialah *Al-Ikhwan*, *Idaran Zaman* dan *Saudara* sementara *Lidah Benar* dan *Suara Benar* merupakan akhbar yang mewakili suara “Kaum Tua.” Contoh novel yang mencerminkan pemikiran “Kaum Muda” terhadap kedudukan wanita ialah *Hikayat Faridah Hanum* yang ditulis oleh Sayyid Shaikh Ahmad Al-Hadi. Novel ini diterbitkan dalam dua jilid di Pulau Pinang pada 1925 dan 1926 dengan menggunakan watak wanita sebagai mewakili suara dan contoh Islam yang rasional. Melalui watak Faridah Hanum, peranan wanita dalam masyarakat dibahaskan. Misalnya, dalam satu perbualan dengan Shafik, kekasihnya, Faridah Hanum menghujahkan satu sebab mengapa negara Muslim mengalami kemunduran ialah kerana mereka tidak menghargai kaum wanita. Untuk tinjauan lanjut, lihat Virginia Matheson Hooker 1994. “Transmission Through Practical Example: Women and Islam in 1920s Malay Fiction,” *JMBRAS*, 67 (2), hlm. 93-117.

Namun emansipasi yang dimahukan oleh “Kaum Muda” agak terbatas iaitu kaum wanita masih tidak dibenarkan bersaing dengan lelaki di luar rumah, misalnya, tidak boleh menghadiri seminar, persidangan, membuat ucapan, membincang soal ekonomi dan sebagainya.⁵⁶ Batasan ini dapat dikesan dalam artikel-artikel yang disiarkan di dalam majalah dan akhbar yang dipelopori “Kaum Muda.” Sebagai contoh, akhbar *Saudara* yang banyak membangkitkan isu-isu ketertinggalan orang Melayu dari aspek ekonomi dan ancaman bangsa asing khususnya Cina terhadap hak orang Melayu kerana penguasaan kukuh golongan ini dalam aspek ekonomi, turut memperkatakan setakatmanakah kanak-kanak perempuan perlu diberi pendidikan. Dalam keluaran bertarikh 24 Februari 1932, ruangan sidang pengarangnya menghujahkan adalah tidak memadai kanak-kanak perempuan belajar sehingga darjah empat atau lima sahaja kerana tidak banyak faedah yang diperolehi dalam tempoh tersebut melainkan setakat pandai membaca dan menulis.⁵⁷ Sebaliknya, dalam satu artikel yang tersiar pada 21 Disember 1932 pula, seorang penulis menyuarakan kebimbangan sekiranya kaum wanita turut memasuki medan pekerjaan lelaki. Beliau berpendapat kaum wanita hanya sesuai melakukan pekerjaan yang sesuai dengan sifat semulajadi mereka yang lemah-lembut seperti menjadi guru dan bidan. Sambil menganggap “tidak manis” wanita melakukan pekerjaan lelaki, penulis surat ini seolah-olah memberi amaran kepada kerajaan tentang kesan buruk sekiranya aturan tersebut diubah dengan memberi contoh apa yang berlaku di Eropah. Di Eropah, peluang-peluang yang diberi kepada kaum wanita menyebabkan

⁵⁶ Lenore Manderson, “The Development and Direction of Female Education in Peninsular Malaysia,” hlm. 108-110.

⁵⁷ *Saudara*, 24 Februari 1932. Sidang Pengarang bertajuk “Pelajaran Anak-anak Perempuan Melayu.”

golongan ini tidak mahu berkahwin kerana menganggap mereka boleh berdikari dan mampu menampung kehidupan sendiri tanpa perlu bergantung kepada kaum lelaki.⁵⁸

Meskipun kebimbangan yang disuarakan oleh pihak lelaki ini berkemungkinan berasaskan tanggapan bahawa kaum wanita adalah golongan yang lemah dan mudah terpengaruh namun ia juga berkemungkinan datang dari perasaan bahawa “kaum wanita tidak boleh melebihi kaum lelaki” dalam apa jua perkara. Soal menggalakkan perusahaan dan penyertaan dalam pekerjaan belum ketara pada 1920-an dan 1930-an malah kebanyakan buku yang diterbitkan dalam tempoh berkenaan yang ditulis oleh kaum lelaki masih berkisar kepada soal “memberi peringatan tentang adab sopan” (termasuk kepada kaum wanita) dalam menghadapi cabaran perubahan dan pemodenan.⁵⁹ Tulisan berbentuk nasihat dan seruan ini terbit daripada rasa kesedaran yang telah ada dalam kalangan orang Melayu untuk mencari kemajuan sebagaimana yang telah dicapai oleh bangsa lain. Oleh itu timbul perbincangan tentang adat yang harus dibuang dan memberi pelajaran Inggeris kepada anak-anak perempuan. Namun sehingga 1930-an cita-cita kaum wanita sendiri sebenarnya masih belum tinggi. Berpandukan eseи-eseи yang tersiar dalam akhbar dan majalah dalam tempoh berkenaan, corak perjalanan fikiran wanita waktu itu masih belum tetap.⁶⁰ Kebanyakan eseи yang

⁵⁸ *Saudara*, 21 Disember 1932, eseи bertajuk “Perempuan Melayu dengan Jawatan Kerajaan.” Dalam akhbar *Temasek* bertarikh Julai 1930, seorang yang menggelar dirinya “Teruna Jaya” juga membangkitkan kebimbangan terhadap kesan buruk pengaruh dari Barat ke atas kaum isteri yang berpelajaran sedikit kerana kaum wanita lebih cepat terpengaruh kepada apa yang dibawa dari Barat tanpa memikirkan kesannya ke atas diri dan bangsa mereka. Lihat rencana bertajuk “Dunia Isteri (Ibu)” dipetik dari Zabedah Awang Ngah 1964. *Antologi Esei Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahaa & Pustaka, hlm. 168.

⁵⁹ Lihat, misalnya, buku berjudul *Laki-Laki dan Perempuan* yang ditulis oleh Mohd. Salih bin Alwi dari Johor Bahru. Buku ini diterbitkan oleh Al-Attas pada 1932 khusus untuk memberi panduan kepada mudah-muda lelaki dan perempuan dalam menghadapi perubahan zaman. Antara yang disentuh termasuk adab berkata-kata, adab perangai, adab isteri kepada suami yang antara lain menghendaki si isteri sentiasa menyiapkan tempat tidur suami supaya si suami boleh berehat pada bila-bila masa, adab perkongsian hidup dan sebagainya.

⁶⁰ Zabedah Awang Ngah, *Antoloji Esei Melayu*, hlm. 34.

ditulis oleh kaum wanita ketika itu yang masih berkisar kepada soal kedudukan mereka sebagai isteri dan ibu yang perlu memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar anak-anak yang diasuh menjadi lebih terdidik.⁶¹ Walau bagaimanapun, secara kasarnya, wanita Melayu kelihatan sudah mempunyai idea atau pemikiran tersendiri tentang apakah maksud kemajuan yang perlu dicapai oleh mereka. Majalah *Bulan Melayu*, misalnya, merupakan contoh penting untuk mengesani pemikiran tersebut.

Bulan Melayu merupakan di antara dua majalah yang mengetengahkan masalah wanita dan memancarkan pemikiran kaum wanita terhadap kemajuan yang perlu dicapai oleh kaum sejenis mereka. Satu lagi majalah yang dimaksudkan ialah *Kenchana* yang diterbitkan di Kota Bahru pada April 1930.⁶² Berbanding *Kenchana*, eseи-eseи yang disiarkan dalam *Bulan Melayu* kelihatan lebih rencam sesuai dengan kedudukannya yang dikendalikan oleh Persekutuan Perempuan Melayu Johor. Persekutuan ini ditubuhkan pada April 1930 dengan 100 orang ahli yang kebanyakannya terdiri daripada guru-guru perempuan Melayu di negeri itu di samping beberapa orang wanita yang tidak bekerja. Majalah *Bulan Melayu* yang bermula pada Jun 1930 adalah lidah rasmi Persekutuan tersebut. Majalah ini jelas melihat kemajuan dari sudut yang menyeluruh.

⁶¹ Lihat antaranya, eseи “”Kewajipan Perempuan,” *Lembaran Guru* , November 1926; “Guru Nombor Satu” *Majalah Guru* 1926; “Seruan Kapada Kaum Kami Sakalian Kanak2,” *Majallah Guru*, Oktober 1926, dipetik dari Zabedah Awang Ngah, *Antoloji Esei Melayu*, hlm. 162-164; 165-166; 174-175.

⁶² *Kenchana* banyak menyarkan eseи tentang kaum wanita di luar negeri supaya boleh dibuat perbandingan dan dijadikan tauladan oleh kaum ibu Melayu. Ia juga mengkritik sikap wanita Melayu yang berpakaian cara barat, memilih sendiri pasangan hidup dan pelbagai lagi isu. Lihat, misalnya, *Kenchana*, bil. 8, no. 1. eseи bertajuk “Adat2 Setengah Perempuan di Alam ini,” dengan bahagian pertamanya membincangkan “Perempuan Amerika” yang disifatkan sebagai wanita yang cerdik, sabar, rajin berusaha serta tidak menghiraukan perkara-perkara yang boleh menghalang mereka daripada meneruskan cita-cita. Wanita Amerika juga disifatkan mampu menguasai pelbagai pekerjaan yang biasanya dimonopoli oleh kaum lelaki kerana mereka luas pandangan hasil sikap suka belseyur dan merantau ke merata tempat. Selain wanita Amerika, turut disentuh ialah wanita Perancis dan Itali. Sementara itu kemajuan yang ingin dicapai, menurut rencana ini, tidak boleh dengan cara menggadaikan maruah dan adab sopan. Lantas perubahan di kalangan wanita Kelantan yang berpakaian mengikut cara barat dikritik hebat oleh majalah berkenaan dalam keluaran bil. 5, 1930 dalam eseи bertajuk “Pakaian Ibu Kelantan. Molekkah Rasanya? Kemanakah Menujunya?”

Ia bukan setakat membahaskan isu pendidikan orang Melayu khususnya wanita malah turut membincangkan soal ekonomi, kebersihan, kesihatan dan sosio-budaya. Melalui majalah tersebut, didapati wanita Melayu sudah berani menganjurkan perjumpaan dan persidangan, berani berpidato dan mengeluarkan pendapat melalui surat kiriman dan sebagainya. Beberapa ruangan seperti perkhabaran daripada persatuan-persatuan wanita di luar negara khususnya Indonesia dan surat kiriman diadakan bagi membolehkan pembaca wanita bertukar fikiran dan mengetahui perkembangan pergerakan wanita di dalam negeri dan luar Tanah Melayu.

Rencana terjemahan pula adakalanya dipilih daripada eseи-eseи yang boleh menaikkan semangat kaum wanita. Esei “terbang ke bulan” yang diterjemahkan oleh Abdullah bin Mohammad dari Sekolah Inggeris, Johor, selain melatih anak-anak muda dalam karangan terjemahan bahasa Inggeris, bertujuan memberi semangat kepada kaum wanita agar berusaha mencapai apa yang dicita-cita sebagaimana usaha seorang saintis mencipta sejenis kapal terbang untuk naik ke bulan, sesuatu yang tidak pernah terduga mampu dilakukan oleh manusia selama ini.⁶³ Lawatan sentiasa diadakan oleh Persekutuan Perempuan Melayu Johor untuk melihat perkembangan sekolah di tempat lain termasuk di sebelah utara Tanah Melayu. Rombongan dari Persekutuan tersebut pernah melawat Sekolah Perempuan Seberang Perak, Alor Setar pada 1 Oktober 1931. Malah idea-idea tentang pandang ke Timur pernah disentuh dalam majalah tersebut dengan menggalakkan kaum wanita memandang ke Timur iaitu mencontohi wanita Jepun yang sanggup berhijrah bekerja di kilang-kilang di bandar semata-mata untuk

⁶³ *Bulan Melayu*, bil. 8, Disember 1930. Esei ini bersambung dalam beberapa keluaran majalah tersebut.

membantu keluarga.⁶⁴ Kegigihan wanita Jepun menentang kepercayaan kuno yang meletakkan gadis-gadis yang dilahirkan dalam tahun tertentu sebagai pembawa sial dilihat sebagai satu harapan agar wanita Melayu turut berusaha mengubah nasib mereka. Pergerakan wanita di negeri matahari terbit itu dikatakan bertambah maju hasil usaha gadis-gadis yang dilahirkan pada tahun Hinu-ama yang dianggap sial telah berjaya mengubah pandangan wanita Jepun tentang harga diri mereka.⁶⁵ Melalui majalah seperti ini, seruan kepada wanita Melayu agar mencari kemajuan menjadi lebih berkembang. Kaum guru yang pandai membaca dan menulis dapat menyampaikan idea-idea tentang pembaharuan termasuk contoh dari negara luar kepada anak murid, rakan taulan dan saudara mara.

Tuntutan Membuka Sekolah Untuk Anak-Anak Perempuan

Salah satu kesan yang berkait rapat dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sepanjang awal abad ke-20, sebagaimana yang telah dibincangkan, ialah semakin meningkatnya kesedaran orang Melayu Kedah terhadap pentingnya pendidikan kepada anak-anak perempuan. Kesedaran ini bukan sahaja kelihatan dalam kalangan golongan kerabat malah juga dalam kalangan rakyat. Kemunculan sekolah untuk anak-anak lelaki yang bertambah dengan cepat menjadi salah satu pendorong kepada orang-orang Melayu untuk memikirkan masa depan anak-anak perempuan. Oleh yang demikian, sejarah pendidikan di negeri itu menyaksikan tuntutan demi tuntutan dan usaha

⁶⁴Kemiskinan hidup menjadi punca kanak-kanak dan wanita Jepun terpaksa bekerja. Ada kanak-kanak yang dijual oleh ibu bapa mereka kepada rumah pelacuran dan setengahnya bekerja di kilang-kilang di bandar secara kontrak untuk selama beberapa tahun. Keadaan tempat kerja dan makanan yang tidak memuaskan serta masa kerja yang panjang menyebabkan ramai jatuh sakit.

⁶⁵*Bulan Melayu*, bil. 1, Mei 1931. Ramai gadis yang lahir pada tahun Hinu-ama membunuh diri kerana tidak mahu dianggap sebagai pembawa sial. Sesetengah gadis ini adalah anak pembesar dan salah seorang daripada mereka telah membuat keputusan tidak akan berkahwin seumur hidup dan beliau menyeru gadis Hinu-ama agar bersama-sama mengubah nasib wanita Jepun.

bergotong royong untuk menubuhkan sekolah untuk anak-anak perempuan dalam daerah masing-masing.

Sebagaimana juga pengalaman di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, penubuhan sekolah Perempuan di Kedah berjalan amat perlahan. Sekolah berasingan ini diwujudkan kerana sebelum Perang Dunia Kedua pelajaran bercampur antara murid lelaki dan perempuan tidak dibenarkan. Tertubuhnya Sekolah Perempuan di Alor Setar pada 23 November 1907 merupakan petanda baik ke arah kesedaran memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan. Sekolah Perempuan Melayu yang pertama di Kedah itu telah ditubuhkan oleh Penguasa Pelajaran pertama, Tunku Yahya. Pada peringkat awalnya sekolah ini beroperasi di sebuah rumah sewa di Jalan Baharu. Gurunya yang pertama bernama Cik Aminah berasal dari Pulau Pinang. Pada hari pertama hanya lima orang murid sahaja yang hadir tetapi jumlah ini meningkat kepada 30 orang sebulan kemudian dan bilangan ini kekal sehingga 1915.⁶⁶ Pada 1911, sekolah ini dipindahkan ke Kampung Perak, di bandar Alor Setar kerana kerosakan bangunan dan juga kerana murid-murid sering diganggu pemuda-pemuda nakal di kawasan tersebut. Sekolah ini berpindah sekali lagi dalam tahun 1926 ke Seberang Perak, di Alor Setar semasa E. A. G. Stuart menjadi Penguasa Pelajaran.⁶⁷

Secara umumnya, sekolah perempuan tidak mendapat sambutan untuk seketika selepas pembukaannya sehingga ibubapa dapat melihat sendiri kepentingan pelajaran untuk anak-anak mereka. Inilah yang berlaku kepada Sekolah Perempuan, Alor Setar.

⁶⁶ Jadual pengajaran bermula dengan pelajaran Tulisan, Jawi dan Kira-Kira dari pukul 7.00 hingga 9.00 pagi; 9.00 hingga 11.30 pagi Sulaman dan Kait Mengait; 1.00 tengahari hingga 4.00 petang membaca Quran.

⁶⁷ *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Kedah*, hlm. 5. Kakitangan Jabatan Pelajaran pada 1911 terdiri daripada Penguasa Pelajaran, seorang Guru Pelawat bagi Kedah Selatan, seorang Guru Pelawat Quran dan Kerani.

Dengan sambutan sebegini, kerajaan hanya membuka dua kelas sahaja di sekolah tersebut dengan kelas tertinggi sama tarafnya dengan darjah dua di sekolah-sekolah di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Matapelajaran yang diajar adalah sama dengan apa yang diajar di sekolah lelaki dengan tambahan mata pelajaran al-Quran, menjahit, dan kerja sulaman.⁶⁸ Mata pelajaran kerja tangan merupakan mata pelajaran yang paling penting di mana murid-murid diajar menjahit pakaian sendiri dan membuat sulaman yang mereka tahu atau yang biasa digunakan di daerah masing-masing. Dalam keadaan yang masih baru perjalanan sekolah anak-anak perempuan tidaklah begitu lancar disebabkan samada faktor ibu bapa atau juga keadaan fizikal sekolah. Sekolah Perempuan Melayu Alor Setar menunjukkan contoh-contoh lengkap kelemahan itu. Kedatangan murid-muridnya tidak menunjukkan perkembangan yang menggalakkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 5.3.

Jadual 5.3 Bilangan Murid di Sekolah Perempuan Melayu, Alor Setar.

Tahun	Bilangan yang berdaftar	Kedatangan
1915	29	22
1916	37	28
1917	35	26
1918	30	23
1919	29	22

Sumber: SUK Kedah 212/1339 *Superintendent of Education 4 Oktober 1920. Report on Malay Girls' School, Alor Setar.*

Jadual 5.3 menunjukkan secara purata, bilangan murid yang hadir berkurangan antara tujuh hingga sembilan orang daripada bilangan kanak-kanak yang mendaftar untuk setiap tahun. Untuk tahun 1915, 1918 dan 1919, misalnya, jumlah kedatangan seramai 22 orang adalah tujuh orang kurang daripada jumlah sebenar kanak-kanak yang mendaftar seramai 29 orang.

⁶⁸ CO 716 Kedah Annual Report 1327 (23 Januari 1909-12 Januari 1910), hlm. 50.

Kebanyakan murid-murid di Sekolah Perempuan Alor Setar juga tidak menghabiskan pengajian mereka dan gejala ini boleh dilihat daripada jumlah kanak-kanak yang menduduki peperiksaan tahunan sejak beberapa tahun penubuhannya seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.4.

Jadual 5.4 Bilangan murid yang menduduki peperiksaan tahunan, Sekolah Perempuan Alor Setar, 1917-1919

	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
1917	12 orang	Darjah 1 - (10) orang	Darjah III-(1) orang	Darjah IV – (1) orang
1918	10 orang	Darjah 1 – (6) orang	Darjah II – (4) orang	
1919	15 orang	Darjah 1 – (11) orang	Darjah II – (4) orang	

Sumber: *SUK Kedah 212/1339 Superintendent of Education 4 Oktober 1920. Report on Malay Girls' School, Alor Setar.*

Berdasarkan jadual 5.4 didapati daripada jumlah kedatangan murid seramai 26 orang pada 1917 hanya 12 orang sahaja yang menduduki peperiksaan tahunan iaitu 10 orang daripada darjah satu sementara setiap seorang daripada darjah tiga dan empat. Bilangan ini semakin menurun pada 1918 iaitu daripada jumlah kedatangan murid seramai 23 orang hanya 10 orang menduduki peperiksaan akhir. Pada 1919 pula hanya 15 orang menduduki peperiksaan akhir iaitu 11 orang daripada darjah satu dan empat orang daripada darjah empat.

Selain keengganan ibu bapa membenarkan anak-anak mereka belajar terlalu lama, kedudukan sekolah yang tidak sesuai juga boleh menjadi satu sebab kedatangan yang semakin merosot. Kedudukannya di tengah-tengah bandar menyebabkan Sekolah Perempuan Alor Setar kehilangan “privacy” sebagaimana sepatutnya diperolehi

sekolah perempuan kerana dengan kedudukan demikian, sekolah ini sentiasa terdedah kepada pemerhatian orang ramai yang lalu lalang. Guru-guru yang tidak terlatih pula telah menyebabkan kanak-kanak cepat hilang minat belajar lalu berhenti sekolah. Satu cara yang pernah dilakukan untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memberi tumpuan kepada darjah Satu yang mengisi separuh daripada pelajar di sekolah berkenaan dengan memperkenalkan mata pelajaran kerja tangan seperti lipatan kertas, mengukir tanah liat, membuat bakul dan lain-lain. Ini dilakukan untuk menarik minat pelajar dan mengelakkan mereka berhenti sekolah. Dengan kelemahan-kelemahan ini, E. A. G. Stuart, Penguasa Pelajaran Kedah waktu itu pernah menyuarakan pandangan bahawa penubuhan Sekolah Perempuan Alor Setar hanya membazirkan wang kerajaan.⁶⁹

Di sebalik penambahan pesat sekolah-sekolah lelaki, sekolah perempuan terus kekal dengan lima buah di seluruh Kedah sehingga sebelum pendudukan Jepun sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 5.5.

Jadual 5.5 Bilangan Sekolah Vernakular Melayu Lelaki dan Perempuan di Kedah,
1909-1937

Tahun	Jumlah Sekolah	Taburan Sekolah
1909-1910	20	15 sekolah lelaki 1 sekolah perempuan
1912-1913	20	19 sekolah lelaki 1 sekolah perempuan
1912-1913	34	33 sekolah lelaki 1 sekolah perempuan
November 1913-November 1914	39	38 sekolah lelaki 1 sekolah perempuan
November 1914-November 1915	49	48 sekolah lelaki 1 sekolah perempuan
November 1915-Oktoper 1916	51	50 sekolah lelaki 1 sekolah perempuan

⁶⁹ *Ibid.* Belanja menguruskan sekolah ini termasuk bayaran sewa bangunan dan gaji guru ialah \$804.00 setahun.

Oktober 1917-Oktober Oktober 1918	58	57 sekolah lelaki 1 sekolah perempuan
Oktober 1918-September 1919	60	59 sekolah lelaki 1 sekolah perempuan
Sept 1919-Sept. 1920	61	59 sekolah lelaki 2 sekolah perempuan ⁷⁰
Sept. 1920-Sept. 1921	61	59 sekolah lelaki 2 sekolah perempuan
Sept. 1921-22 Ogos 1922	63	61 sekolah lelaki 2 sekolah perempuan
Ogos 1922-13 Ogos 1923	65	63 sekolah lelaki 2 sekolah perempuan
Ogos 1923-Ogos 1924	67	64 sekolah lelaki 3 sekolah perempuan
2 Ogos 1924-21 Julai 1925	69	66 sekolah lelaki 3 sekolah perempuan
22 Julai 1925-11 Julai 1926	70	67 sekolah lelaki 3 sekolah perempuan
12 Julai 1926-20 Jun 1927	72	69 sekolah lelaki 3 sekolah perempuan
1 Julai 1927-19 Jun 1928	76	73 sekolah lelaki 3 sekolah perempuan
Jun 1928-Jun 1929	78	75 sekolah lelaki 3 sekolah perempuan
29 Mei 1930-18 Mei 1931	87	82 sekolah lelaki 5 sekolah perempuan
1931/32 (1350)	88	83 sekolah lelaki 5 sekolah perempuan
1932/33 (1351)	88	83 sekolah lelaki 5 sekolah perempuan
1933/34 (1352)	88	83 sekolah lelaki 5 sekolah perempuan
1934/35 (1353)	88	83 sekolah lelaki 5 sekolah perempuan
1935/36 (1354)	88	83 sekolah lelaki 5 sekolah perempuan
1936/37 (1355)	88	83 sekolah lelaki 5 sekolah perempuan

Sumber: Dipadankan daripada *Kedah Annual Report* tahun-tahun yang berkenaan.

⁷⁰ SUK Kedah 348/1339 *Superintendent of Education 19 Oktober 1920. Annual Report of Education Department for the year 1338*. Sebuah lagi Sekolah Perempuan Melayu dibuka di Kota Kuala Muda. Daripada 62 buah sekolah Melayu, 25 daripadanya beroperasi di bangunan tetap, dua buah sekolah beroperasi di bangunan yang disewa, empat sekolah sementara lama, 30 sekolah sementara di bangunan baru. Pada tahun tersebut tiada bangunan sekolah sementara yang baru dibina kerana masalah untuk mendapatkan besi disamping harga besi yang tinggi.

Berdasarkan jadual 5.5, sebuah lagi Sekolah Perempuan Melayu dibuka di Kuala Muda pada 1920. Pada 1924 Sekolah Perempuan Melayu (aliran Inggeris) yang dikhususkan untuk anak-anak raja dan bangsawan di buka di Kampung Baharu, Alor Setar. Sekolah tersebut dikenali sebagai Kampung Baharu Girls' School (selepas ini disebut KBGS).⁷¹ Sehingga 1930, Kedah mempunyai lima buah sekolah perempuan Melayu iaitu Sekolah Perempuan Alor Setar, KBGS, Sekolah Perempuan Yan, Sekolah Perempuan Kota Kuala Muda dan Sekolah Perempuan Sungai Petani.

Sebagaimana yang sering ditimbulkan dalam kebanyakan kajian perkembangan yang perlahan bagi sekolah perempuan dikatakan berpunca daripada sikap ibubapa yang tidak gemar menghantar anak-anak ke sekolah. Namun pertimbangan lain juga harus diambil kira, misalnya, sikap kerajaan sendiri terhadap perancangan menubuhkan sekolah untuk kanak-kanak perempuan. Jadual 5.5 menunjukkan secara kasar hampir setiap tahun sekolah untuk kanak-kanak lelaki didirikan sedangkan pembukaan sekolah untuk kanak-kanak perempuan pula mengambil jarak masa yang lama.⁷² Di kalangan sekolah lelaki pula, sekolah tertentu seperti Government English School (GES) mendapat perhatian serius daripada kerajaan baik dari segi perkembangan pelajaran di kalangan pelajar mahupun kebajikan kakitangan dan kegiatan sekolah malah pada suatu

⁷¹ Kini dikenali sebagai Sekolah Sultanah Asma.

⁷² Dalam kebanyakan peruntukan belanjawan, setiap cadangan menubuhkan atau memperbaiki sekolah Melayu sebahagian besarnya melibatkan sekolah lelaki. Lihat misalnya, *SUK Kedah 1661/1349 Superintendent of Education 29 Oktober 1930. Proposals for Malay School Buildings for 1350*.

Kebanyakan cadangan membina sekolah untuk tahun 1931 (1350) adalah melibatkan sekolah lelaki. Pada tahun berkenaan dicadangkan beberapa bangunan baru dibina, misalnya, di Sungai Limau bagi menggantikan sekolah lama yang dibina pada 1336 (1917/18), di Kodiang, bagi menggantikan sekolah yang dibina pada 1341 (1922/23), dan di Siputeh bagi menggantikan sekolah sementara yang dibina sejak 16 tahun lalu. Sekolah-sekolah tetap juga dicadangkan dibina di Guar Lobak, Sekolah Tanjong Dawai dan Padang Perahu dan lain-lain serta pembesaran beberapa buah sekolah termasuk Sekolah Lelaki Sungai Petani. Petisyen juga diterima daripada rakyat yang menuntut kerajaan membina sekolah di Sungai Ulu Kecil, Sala Besar (Kanan), Padang Meha, Karangan, Siong di daerah Baling. Dalam kebanyakan petisyen ini penduduk kampung menyatakan kesediaan untuk membina sendiri sekolah di kawasan mereka dengan syarat kerajaan menyediakan kakitangan dan perabot sekolah.

masa kerajaan sanggup membiayai kos pengajian anak seorang kakitangan kerajaan yang telah meninggal dunia untuk meneruskan pelajaran di sekolah tersebut.⁷³ Ini tidaklah menghairankan kerana Guru Besar GES, E. A. G. Stuart juga merupakan Penguasa Pelajaran dan kebanyakan kanak-kanak lelaki yang berdaftar di sekolah berkenaan adalah terdiri daripada anak-anak pegawai kerajaan dan kerabat diraja. Malah pada 1919 GES Union telah dimulakan dengan mendapat sokongan padu daripada kerajaan.⁷⁴ Penubuhan sekolah perempuan pula adakalanya berpunca daripada desakan golongan tertentu yang mana kerajaan akhirnya tidak mempunyai pilihan selain melaksanakan tuntutan tersebut, sebagaimana yang ditunjukkan dalam kes pembukaan Sekolah Perempuan Kampung Baharu (KBGS) pada 1924.

Pada 1934 murid-murid yang berdaftar di lima buah sekolah perempuan yang ada di negeri itu hanyalah 442 orang sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 5.6.⁷⁵

Jadual 5.6 Purata murid-murid yang mendaftar dan kedatangan di sekolah-sekolah Perempuan untuk 1934.

Utara

Sekolah	Purata murid yang mendaftar	Purata kedatangan	% kedatangan	Jumlah hari persekolahan
Seberang Perak	133	123	92	237
Yan	95	81	85	243
Jumlah	228	204	177	480
Per sekolah	114	102	88.5	240

⁷³ Lihat SUK Kedah 1521/1345. *That the school fees and cost of books of her son now studying in the Government English School, Alor Setar, be borne by Government.* Petisyen ini diajukan oleh Aminah bt. Ismail, Kampong Perak, Alor Setar bertarikh 29 Januari 1925 yang antara lain, menjadikan alasan kemiskinan hidup sebagai sebab beliau mengemukakan permohonan kepada kerajaan agar anak lelakinya yang sudahpun berada di peringkat enam di sekolah berkenaan dibenarkan menyambung pengajian ke peringkat tertinggi kerana beliau berhasrat agar anaknya dapat mengikut jejak suaminya berkhidmat dalam kerajaan setelah tamat sekolah kelak.

⁷⁴ SUK Kedah 525/1338 *Superintendent of Education, 24 November 1919. Annual Report on Education for the year 1937.*

⁷⁵ Jumlah ini adalah lebih tinggi daripada tahun 1933 iaitu seramai 419 orang.

Selatan

Kota Kuala Muda	65	57	88	240
Sungai Petani	64	59	92	243
Kota Kuala Muda	85	78	92	240
Jumlah	214	194	272	123
Per sekolah	71.3	64.6	90.6	241

Sumber: *SUK Kedah 1033/1354 Superintendent of Education 19 Jun 1935. Annual Report of the Education Department, Kedah for the year 1353*, hlm. 43.

Daripada jadual 5.6 didapati meskipun purata murid yang mendaftar adalah lebih tinggi di Kedah Utara namun dari segi peratusan kedatangan ke sekolah, sekolah perempuan Melayu di Kedah Selatan mencatat peratusan yang lebih tinggi iaitu 90.6% berbanding 88.5% di Kedah Utara. Fenomena ini mungkin berpunca daripada Kedah Selatan yang mendapat khidmat lebih ramai guru terlatih berbanding Kedah Utara. Laporan tahunan kerajaan pada 1915 pernah menyebut bahawa guru-guru yang baik agak keberatan untuk bertugas di Kedah Utara kerana kawasan tersebut lebih mundur berbanding kawasan selatan yang lebih hampir dengan Pulau Pinang.⁷⁶ Dengan lebih ramai guru terlatih di Kedah Selatan, minat untuk datang ke sekolah di kalangan murid-murid lebih mudah dipupuk.

Dalam tempoh 1935 hingga 1936 jumlah murid-murid perempuan yang berdaftar meningkat kepada 449 orang tetapi purata kedatangan jatuh daripada 91.9% kepada 87.9%.⁷⁷ Walau bagaimanapun, keadaan menjadi lebih baik untuk tempoh hingga 1937 dengan jumlah yang berdaftar seramai 478 orang dengan purata kedatangan 91.5%. Dalam tempoh ini, mutu kerja tangan murid-murid perempuan dilaporkan semakin

⁷⁶ P/SP 2 Federal Secretariat Kedah Annual Report 1333 (19 November 1914-8 November 1915), hlm. 9.

⁷⁷ CO 716 Kedah Annual Report 1353 (1935/36), hlm. 43.

meningkat dan sekolah perempuan Kedah seringkali memenangi hadiah-hadiah dalam pertandingan jahitan di peringkat kebangsaan. Untuk pertama kali juga, murid-murid perempuan dalam darjah empat menduduki peperiksaan yang sama dengan murid darjah empat sekolah lelaki sementara murid-murid kelas bawah pula mengambil peperiksaan yang sama dengan murid-murid lelaki dalam darjah yang sama. Amat menakjubkan peratusan murid-murid perempuan darjah empat yang lulus peperiksaan pertama ini iaitu 83% adalah hampir sama dengan pencapaian murid-murid sekolah lelaki.⁷⁸

Pada tahun berikutnya, kemajuan pesat semakin ditunjukkan oleh sekolah-sekolah perempuan. Murid-murid yang berdaftar untuk memasuki alam persekolahan meningkat kepada 529 orang pada 1938 dengan purata kedatangan sekitar 91.3%. Dari jumlah tersebut 477 orang menduduki peperiksaan dan peratusan yang lulus pula ialah 70.7% berbanding 56.9% dan 49% pada tahun sebelumnya.⁷⁹ Pelbagai aktiviti diperkenalkan di sekolah-sekolah perempuan termasuk bersukan seperti bola jaring, badminton dan “ring tennis”. Namun berbanding sekolah perempuan Melayu yang lain, KBGS menunjukkan kemajuan yang lebih baik dari pelbagai sudut. Malah di sekolah ini *Girl Guide* dan *Brownies* diperkenalkan hasil usaha beberapa orang guru seperti Puan Brodie, Puan Hudson dan Che Tom. Di samping itu, Sekolah Perempuan Baling, satu-satunya sekolah rakyat (perempuan) juga menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dengan mendapat markah “sangat baik” apabila 48 daripada 100 orang muridnya (48%) lulus peperiksaan tahunan dan berjaya naik kelas. Kejayaan ini adalah

⁷⁸ CO 716 Kedah Annual Report 1355 (1936/37), hlm. 51.

⁷⁹ CO 716 Kedah Annual Report 1356 (1937/38), hlm. 43.

hasil usaha jawatankuasa sekolah tersebut yang sentiasa mengambil berat tentang kebijakan sekolah.⁸⁰

Meskipun pertumbuhan sekolah perempuan agak perlahan di Kedah namun tidak bermakna orang Melayu secara umumnya tidak berminat memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan mereka. Surat petisyen yang dihantar oleh penduduk kampung kepada kerajaan membuktikan sebaliknya. Sepanjang tahun 1920-an, kerajaan menerima banyak permohonan daripada rakyat jelata untuk membuka sekolah perempuan. Pada 4 Ogos 1925, misalnya, kerajaan menerima surat petisyen daripada Mohd. Ariffin dan penduduk Kuala Kedah, dalam daerah Kota Setar berhubung isu menubuhkan sekolah berasingan untuk kanak-kanak perempuan di kawasan berkenaan. Permohonan ini dibuat setelah penduduk Kuala Kedah menyaksikan dan mendengar sendiri kebaikan yang diperolehi oleh kanak-kanak lelaki setelah kerajaan membuka sebuah sekolah Melayu di kawasan berkenaan dan juga faedah yang diperolehi oleh kanak-kanak perempuan di Kota Kuala Muda berikutnya pembukaan sekolah perempuan di kawasan itu pada 1920. Menurut petisyen berkenaan, di Kuala Kedah terdapat antara 100 hingga 120 orang kanak-kanak perempuan yang kebanyakannya tidak bersekolah. Pendidikan yang paling minima hanya diperolehi dengan mengaji al-Quran dengan guru al-Quran di kampung. Oleh kerana pembelajarannya tidak menentu kerana guru-guru al-Quran juga perlu bekerja mencari rezeki, pengetahuan yang diperolehi oleh kanak-kanak perempuan tentulah tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, permohonan yang dikemukakan oleh penduduk Kuala Kedah tidak dapat dipenuhi kerana kerajaan belum

⁸⁰ CO 716 *Kedah Annual Report 1357 (1938/39)*, hlm. 49.

membuat perancangan untuk membina sekolah perempuan di Kuala Kedah dan kerajaan juga terpaksa melayani permohonan yang lebih awal daripada kawasan lain.⁸¹

Pada 3 Oktober 1928, kerajaan menerima satu lagi surat petisyen daripada penduduk Anak Bukit yang diwakili oleh penghulu Hj. Mohd. Jaafar bin Haji Jusoh. Petisyen ini, walau bagaimanapun, tidak bertujuan meminta kerajaan membina sekolah untuk kanak-kanak perempuan sebaliknya memohon kerajaan menyediakan perkakas untuk sekolah yang bakal dibina oleh penduduk di Anak Bukit. Selain perkakas sekolah, kerajaan juga diminta memberi bayai belanja makan tukang-tukang rumah berkenaan setakat mana yang difikirkan patut.⁸² Meskipun tiada sebarang tindak balas daripada kerajaan berhubung permohonan ini namun yang penting surat petisyen tersebut melambangkan kesungguhan penduduk kampung untuk membina sekolah yang khusus untuk anak-anak perempuan apatah lagi berikutan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pendidikan (*Education Board*) pada 6 Jun 1928 bahawa kanak-kanak perempuan tidak lagi dibenarkan belajar di sekolah laki-laki atas alasan agama. Isu ini telah dibangkitkan oleh Sheikh-ul-Islam Wan Sulaiman Wan Sidek,⁸³ yang antara lain menghujahkan bahawa meskipun menuntut ilmu digalakkan kepada semua baik lelaki maupun perempuan namun mereka tidak sepatutnya dibiarkan bercampur gaul dalam satu darjah yang sama untuk mengelakkan masalah sosial yang tidak diingini. Berikutan

⁸¹ SUK Kedah 206/1344 *That a Malay Girls' School be opened at Kuala Kedah.*

⁸² SUK Kedah 1072/1347 *Establishment of a Malay Girls' School at Anak Bukit.*

⁸³ Wan Sulaiman dilahirkan di mukim Padang Kerbau dalam daerah Kota Setar pada 1874. Beliau berasal daripada keturunan keluarga bangsawan yang mempunyai pertalian darah dengan keluarga diraja yang memerintah Kedah melalui nasab bapanya Wan Sidek bin Wan Aman, cucu Wan Su Temengong Kulut, Bukit Lada, seorang bangsawan dari mukim Padang Kerbau. Wan Sulaiman mendapat pendidikan di Mekah mulai 1889 sewaktu berusia 16 tahun. Beliau berada di sana selama 20 tahun dan sekembalinya dari Mekah pada 1910, beliau memulakan tugas sebagai seorang Kadhi. Pada tahun berikutnya beliau dinaikkan pangkat Kadhi Besar. Apabila Shaikh Muhammad Khayat, seorang bangsa Arab tamat perkhidmatannya sebagai Sheikh-ul-Islam, Wan Sulaiman dilantik menggantikannya. Adalah dianggarkan pelantikan itu berlaku antara 1911 dengan 1916 dan beliau terus memegang jawatan itu sehingga kematiannya pada 1935. Lihat, Abdul Manaff bin Saad 1976. "Suatu Kajian Ringkas Mengenai Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek (1874 M-1935 M), KDSS, 7(1), Julai, hlm. 16-26.

dengan itu Lembaga Pendidikan cuba menghentikan amalan ini dengan membuat cadangan membenarkan guru-guru sukarela mengajar kanak-kanak perempuan di rumah kanak-kanak berkenaan. Cadangan ini gagal mendapat sambutan sebaliknya Lembaga Pendidikan dihujani pula permohonan untuk memohon wang bagi tujuan membayar sewa rumah bagi tujuan mengajar. Secara tidak langsung ini menunjukkan rakyat negeri Kedah sudah mempunyai prinsip tersendiri terhadap pendidikan untuk anak-anak perempuan iaitu ia mesti melalui penubuhan sebuah sekolah perempuan yang sempurna dari segi bangunan dan guru yang mengajar.⁸⁴

Kesedaran ini menyebabkan desakan semakin hebat diajukan kepada kerajaan untuk membina sekolah berasingan untuk anak-anak perempuan. Ia juga merupakan satu cabaran kepada kerajaan yang dilihat sebagai tidak ghairah untuk membina lebih daripada satu sekolah dalam masa setahun. Sehingga 1928, hanya terdapat empat buah sekolah perempuan di Kedah iaitu sebuah sekolah kerajaan (KBGS) dan tiga buah sekolah Melayu di Yan, Kota Kuala Muda dan Alor Setar (Seberang Perak) sedangkan pada tahun itu juga (1928) Pengusaha Pelajaran menerima lima lagi permohonan daripada rakyat jelata untuk membuka sekolah perempuan. Permohonan itu datang daripada beberapa daerah seperti berikut:⁸⁵

1. Baling – tapak untuk pembinaan sekolah sudah ada tetapi kerajaan membuat keputusan bahawa Baling mesti menunggu sehingga Kulim, Alor Setar dan Sungai Petani membuka sekolah perempuan terlebih dahulu
2. Sungai Petani – ada 60 orang kanak-kanak perempuan menunggu untuk bersekolah di kawasan tersebut.
3. Kulim – lebih 100 orang kanak-kanak perempuan menunggu untuk memasuki alam persekolahan

⁸⁴ SUK Kedah 2623/1347 *Superintendent of Education 4 Mac 1929. Memorandum on the Education of Girls in Kedah.*

⁸⁵ *Ibid.*

4. Anak Bukit, Kota Setar - melalui permohonan yang dikemukakan oleh Penghulu Jaafar. Seramai 111 orang kanak-kanak perempuan menunggu untuk memasuki alam persekolahan
5. Lubok Buntar, Bandar Baharu – seramai 40 kanak-kanak Perempuan menunggu untuk bersekolah.

Mungkin kerana terlalu banyak desakan daripada rakyat, Lembaga Pendidikan akhirnya telah meluluskan pembinaan sekolah perempuan di Baling, Kulim dan Sungai Petani untuk tahun 1929. Pembinaan dirancang dilakukan lebih awal di Baling berbanding Kulim dan Sungai Petani kerana tapak untuk membina sekolah sudah ada di daerah tersebut.⁸⁶ Lagipun sekolah di Baling akan dikendalikan oleh sebagai sekolah rakyat. Di Baling dijangkakan lebih daripada 87 orang kanak-kanak perempuan sedang menunggu untuk memulakan persekolahan mereka.⁸⁷ Sekolah ini, walau bagaimanapun, hanya dibuka pada 17 Disember 1937 yakni selepas sembilan tahun permohonan dibuat berikutan langkah kerajaan membekukan pembinaan sekolah baru kerana masalah kemelesetan ekonomi.⁸⁸ Pembekuan ini bermula sejak 1930 lagi dan dalam tempoh itu kerajaan enggan melayan sebarang permintaan untuk mendapatkan kakitangan dan peralatan sekolah yang baru dibina oleh rakyat.⁸⁹

⁸⁶ SUK Kedah 658/1348 *Superintendent of Education 29 Julai 1929*.

1) *Opening of a Vernacular Girls's School at Kulim*

2) *Special provision for rent of premises, salary of staff and furniture.*

Terdapat 100 orang kanak-kanak perempuan di kawasan ini yang layak ke sekolah. Majlis Mesyuarat Negeri pada 8 Ogos 1929 telah meluluskan pembinaan Sekolah Perempuan Kulim dengan peruntukan khas sebanyak \$1,390 untuk sewa bangunan, perkakas sekolah dan guru. Lihat juga, SUK Kedah 2332/1347 *Superintendent of Education 30 Januari 1929*.

1. *Opening of a Girls' School at Sungai Petani*

2. *Provision in 1348 Estimates for salary of two mistresses, school house rent and furniture.*

Sebelum itu dalam mesyuarat pada 7 Mac 1929, Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan pembukaan Sekolah Perempuan Sungai Petani dengan perbelanjaan sebanyak \$1,270 untuk sewa sebuah rumah di Pekan Lama, Sungai Petani, guru seramai dua orang dan perkakas dan alatan sekolah.

⁸⁷ SUK Kedah 1310/1347 *Superintendent of Education 3 November 1928. Provision in 1348 Estimates for the erection of a Malay Girls' School at Baling*.

⁸⁸ SUK Kedah 2076/1349 *District Officer, Baling, 8 Disember 1930. Establishment of a Malay Girls' School at Baling*.

⁸⁹ SUK Kedah 2266/1353 *Under Secretary to Government 10 Oktober 1934. Kedah Education Report: The Rakyat School*.

Penubuhan sekolah rakyat merupakan satu petanda kesedaran orang Melayu khususnya di kawasan perdesaan tentang perlunya memberi pendidikan kepada anak-anak mereka terutamanya dalam keadaan di mana sekolah Melayu adalah jauh daripada tempat tinggal mereka. Sekolah rakyat muncul hasil usaha orang Melayu sendiri dengan kurikulum yang hampir sama dengan sekolah Melayu kecuali penekanan yang lebih diberikan kepada pendidikan agama Islam. Turut membezakan sekolah rakyat dengan sekolah Melayu ialah dari segi rupa bentuk bangunan yang biasanya lebih daif berbanding sekolah Melayu dengan guru-guru yang tidak terlatih. Sekolah ini dijalankan melalui dua cara. Pertamanya, yang bebas daripada bantuan kerajaan dan keduanya, mendapat bantuan kerajaan dari segi perabot dan buku bacaan. Menjelang 1938 terdapat 24 buah sekolah rakyat di Kedah dengan jumlah murid seramai 1,742 orang.⁹⁰ Walau bagaimanapun, kebanyakan sekolah Rakyat yang didirikan ini adalah untuk kanak-kanak lelaki. Setakat ini sukar diperolehi data yang menunjukkan bilangan sekolah Rakyat yang khusus untuk kanak-kanak perempuan. Satu-satunya contoh yang ada ialah Sekolah Perempuan Baling. Semasa pembukaannya pada 1937 seramai 86 kanak-kanak perempuan telah hadir tetapi tidak lama kemudian Pengguna Pelajaran mengarahkan cuma 60 orang murid sahaja diambil iaitu 40 orang untuk sesi pagi dan 20 orang untuk sesi petang dengan seorang guru bertugas untuk kedua-dua sessi.

Sebagai sekolah rakyat, perjalanan Sekolah Perempuan Baling diuruskan sepenuhnya oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang kampung dan Pegawai Daerah bertindak sebagai Bendahari. Meskipun jawatankuasa ini berkuasa melantik dan memecat guru-guru namun mereka tidak dibenarkan melantik guru-guru

⁹⁰ *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Kedah*, hlm. 11. Sehingga 1946, terdapat 40 buah Sekolah Rakyat Bantuan Kerajaan dengan 3,650 orang murid dan 16 buah Sekolah Rakyat tanpa bantuan kerajaan dengan 1,650 orang murid.

yang tidak mempunyai surat tauliah daripada Pengguna Pelajaran. Peraturan ini selari dengan peruntukan kerajaan bahawa sekolah rakyat yang mempunyai bilangan murid melebihi 50 orang akan mendapat pengawasan kerajaan dan diberi geran tahunan untuk membayar gaji guru dan membeli bahan bacaan dan perkakas sekolah.⁹¹ Pengerusi jawatankuasa tersebut mempunyai kuasa untuk membuat permohonan dan perbincangan mengenai perkembangan sekolah tersebut dengan Pengguna Pelajaran.

Berhubung bidang kuasa ini, Pegawai Daerah pernah ditegur kerana seringkali menjadi jurucakap sekolah berkenaan dan membuat pelbagai permohonan bagi pihak sekolah. Dalam suratnya kepada kerajaan yang bertarikh 6 Januari 1938, Pegawai Daerah memohon kerajaan menambahkan seorang lagi guru dan memasukkan bekalan air secara percuma ke sekolah tersebut untuk kemudahan pelajar. Dalam suratnya bertarikh 11 Mei 1938 pula, Pegawai Daerah mengulangi sekali lagi perkara yang sama di samping memohon kerajaan mengecualikan sekolah tersebut daripada membayar cukai pembetongan.⁹² Permohonan-permohonan ini tidak mendapat layanan kerajaan kerana ia tidak dibuat oleh pengerusi jawatankuasa pengurusan sekolah. Kerajaan juga berpendapat sebagai sekolah rakyat, sekolah tersebut sepatutnya berusaha mengadakan tabungan sendiri, misalnya, mengutip \$1.00 sebulan daripada orang kampung untuk membayar gaji seorang guru tambahan dan bukannya meminta bantuan kerajaan. Pengambilalihan sesebuah sekolah rakyat oleh kerajaan hanya dibuat sekiranya kerajaan berpuashati dengan kemajuan yang ditunjukkan oleh sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, dalam kes Sekolah Perempuan Baling ini kerajaan menolak untuk menjadikannya sebagai sekolah kerajaan kerana pada waktu itu dasar utama kerajaan

⁹¹ SUK Kedah 2266/1353. *Kedah Education Report: The Rakyat School.*

⁹² SUK Kedah 2076/1349 District Officer, Baling, 8 Disember 1930. *Establishment of a Malay Girls' School at Baling.*

ialah memberikan peruntukan yang lebih untuk pembinaan sekolah lelaki. Sekiranya permintaan penduduk Baling dilayani, kerajaan mengjangkakan mereka akan dihujani petisyen yang serupa daripada kawasan lain.⁹³

Kemelesetan ekonomi seringkali dilihat menjadi punca utama kelembapan pembinaan sekolah di Kedah. Di antara 1930 hingga 1934 tidak ada sekolah baru yang dibuka dan dalam tempoh itu hanya 27% daripada jumlah kanak-kanak lelaki di Kedah yang diajar menulis dan membaca.⁹⁴ Sekolah-sekolah yang ada pula memerlukan pembaikan yang kesemuanya menuntut perbelanjaan yang besar. Hal ini berlaku kerana kebanyakan sekolah asal beroperasi di bangunan-bangunan lama yang disewa tanpa kemudahan asas seperti air paip, berlantaikan tanah dan terlalu sempit untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat. Sesetengah bangunan pula terlalu lama dan menunggu masa untuk runtuh. Pada 1931 Pengusaha Pelajaran menyenaraikan beberapa buah sekolah termasuk Sekolah Siputeh, Sekolah Husba, Sekolah Tanjung Dawai, Sekolah Perempuan Yan dan Sekolah Perempuan Sungai Petani yang memerlukan pemulihan segera serta pembinaan sekolah baru bagi menggantikan sekolah lama. Dalam hal ini mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri pada 22 September 1932 telah meluluskan peruntukan segera untuk sekolah lelaki Husba kerana sekolah yang dibina rakyat pada 14 November 1928 itu dilaporkan tidak lagi

⁹³ *Ibid.* Lihat memorandum Pemangku Pengusaha Pelajaran 22. 4. 1355.

⁹⁴ Lihat C. A. Vlieland 1932. *British Malaya: A Report on the 1931 Census*, London, hlm. 345, 347 dan 349. Banci 1931 menunjukkan kaum wanita bangsa Cina dan India mengatasi peratusan wanita Melayu yang celik huruf. Untuk keseluruhan negeri Kedah, bilangan wanita celik huruf per 1,000 orang wanita ialah 18 dan majoritinya adalah dalam kalangan mereka yang telah berusia lebih 15 tahun (19 per 1,000 wanita berusia lebih 15 tahun adalah celik huruf). Dibandingkan dengan purata celik huruf lelaki Melayu, jumlah ini sangat jauh bezanya. Misalnya, bilangan lelaki Melayu yang celik huruf (yang diasaskan kepada sekurang-kurangnya “boleh membaca dan menulis jawi dan rumi”) untuk seluruh negeri Kedah ialah 184 per 1,000 orang lelaki. Meskipun kajian tesis ini lebih menumpukan kepada kaum Melayu asal namun untuk banci celik huruf 1931 ini, ia termasuk juga bangsa Melayu dari rumpun yang lain. Jumlah celik huruf wanita Cina di negeri itu pula ialah 56 per 1,000 orang wanita dan untuk wanita India 34 per 1,000 orang wanita India.

selamat untuk diduduki. Meskipun sekolah tersebut telah diperbaiki dari masa ke semasa oleh penghulu kampung namun ia didapati tidak lagi dapat menampung jumlah bilangan pelajar yang semakin meningkat.⁹⁵

Pemilihan sekolah-sekolah untuk dibaiki dibuat berdasarkan keperluan kadar segera. Sekolah-sekolah Perempuan Yan dan Sungai Petani pula akan digantikan dengan sekolah baru sekiranya difikirkan perlu. Kedua-dua sekolah ini juga sebenarnya berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Sekolah Perempuan Yan, misalnya, didapati terlalu sesak dengan pelajar. Sekiranya sekolah baru dibuka dijangkakan lebih ramai kanak-kanak perempuan akan masuk belajar kerana pada waktu itu seramai 237 orang murid perempuan menumpang belajar di sekolah lelaki. Sekolah Perempuan Sungai Petani yang dibuka pada 8 Julai 1929 beroperasi di bangunan yang disewa yang tidak sesuai untuk proses pembelajaran. Bangunannya tidak dilengkapi bekalan air sementara bekalan letrik juga tidak memuaskan. Sekolah ini hanya mampu memuatkan 53 orang murid sahaja.⁹⁶ Penguasa Pelajaran mencadangkan pembinaan sekolah baru agar lebih ramai kanak-kanak perempuan dapat belajar di sekolah ini.

Namun apabila kerajaan menyambung semula rancangan membuka sekolah baru selepas zaman kemelesetan, pendirian bahawa “orang lelaki perlu diutamakan” jelas kelihatan. Kerajaan lebih bersimpati terhadap kawasan-kawasan yang memohon sekolah untuk kanak-kanak lelaki berbanding untuk kanak-kanak perempuan. Atas alasan orang lelaki terpaksa menyara kehidupan keluarga maka keutamaan

⁹⁵ SUK Kedah 1838/1350 *Superintendent of Education 21 Oktober 1931. Provision in 1351 Estimates for erection of Malay School Buildings.* Sekolah ini hanya mampu menampung 87 orang murid sahaja tetapi kedatangan murid mencecah 118 orang. Peruntukan yang diluluskan untuk pembinaan sekolah baru Husba ialah sebanyak \$4,600.00.

⁹⁶ *Ibid.*

peruntukan kewangan haruslah diberikan kepada pendidikan kanak-kanak lelaki sebelum sekolah berasingan untuk kanak-kanak perempuan boleh dirancang.⁹⁷ Sikap ini secara tidak langsung juga menjelaskan mengapa bilangan sekolah perempuan tidak bertambah dan kerajaan keberatan mengambil alih sekolah perempuan yang dibina oleh rakyat sebagaimana kes di Baling.

Dari satu segi perlaksanaan arahan memberhentikan amalan memasukkan anak-anak perempuan ke sekolah lelaki menimbulkan kesulitan kepada penduduk setempat. Di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai sekolah perempuan atau sekolah perempuan terletak jauh dari kawasan bermastuatin tetap, arahan kerajaan itu dianggap oleh ibu bapa sebagai satu kerugian kepada anak-anak perempuan lebih-lebih lagi apabila perbandingan dibuat dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang tidak mengamalkan peraturan sedemikian. Oleh yang demikian sekali lagi kerajaan menerima desakan daripada rakyat untuk memperbanyakkan pembinaan sekolah perempuan sekiranya peraturan tersebut mahu dikekalkan. Surat petisyen yang diperturunkan di bawah merupakan salah satu contoh kesedaran orang-orang Melayu terhadap peri pentingnya memberikan pendidikan untuk kanak-kanak perempuan. Meskipun permintaan penduduk kawasan berkenaan telah ditolak oleh kerajaan namun sekurang-kurangnya petisyen ini mempamerkan harapan dan desakan agar kerajaan lebih bertanggungjawab terhadap peraturan yang diperkenalkan. Surat petisyen bertarikh 13 Julai 1934 daripada penduduk Derga yang diwakili oleh Mohamed Khir ini bertujuan meminta kebenaran kanak-kanak perempuan menumpang belajar di Sekolah Derga, dalam daerah Kota Setar dan juga memohon kerajaan membina sebuah sekolah

⁹⁷ SUK Kedah 2076/1349. District Officer, Baling, 8 Disember 1930. *Establishment of a Malay Girls' School at Baling*. Lihat catatan di bahagian kulit fail.

berasingan untuk kanak-kanak perempuan di kawasan tersebut. Antara lain petisyen ini menyebut:

Pasal anak2 gadis (perempuan) bagi siapa yang duduk di dalam Derga ini tiadalah peluang hendak beri mengaji sekolah kepada mereka itu kerana hanya sebuah sekolah sahaja bagi gadis2 di dalam Alor Setar ini di Seberang Perak itu jauh daripada Derga lebih kurang dua batu dengan melalui jalan besar yang amat sibuk dan ramai dengan motokar di Jalan Langgar dan Jalan Raja dan Sungai Korok itu. Jadi jatuh kerugian bagi gadis2 itu tiada boleh hendak bersekolah. Pada hal zaman yang ada ini gadis2 semua wajib diberi mengaji sekolah. Maka keramaian penduduk2 daerah Derga sangatlah terang dan tiadalah payah ditafsirkan kerana sedia diketahui.

Maka dengan sebab banyak gadis2 saya apa ini mintalah pada yang Berhormat dari pihak kerajaan membenarkan beri gadis2 yang berumur di antara 6 dan 10 tahun sahaja boleh tumpang mengaji sama di sekolah lelaki Derga itu. Diajarkan oleh guru2 lelaki bersama budak2 itu sementara.

Adalah dua tiga bulan sudah Tuan Superintendent Sekolah2 telah beri gadis2 itu mengaji sekolah bersama budak lelaki itu dengan besar hati saya apa telah serahnya. Tiba-tiba lepas sedikit lebih kurang setengah dua bulan diberi berhenti pula oleh Tuan Superintendent itu.⁹⁸

Inilah saya apa teriak dan mintalah juga kebenaran tumpang mengaji gadis2 itu. Menurut seperti di dalam Negeri2 Melayu yang Bersekutu. Banyak sekolah lelaki menerima gadis2 mengaji bersama2 (lihat dalam report sekolah2 sana)

Dan lagi dengan surat inilah juga saya apa minta hubungkan perkiraan pada Yang Maha Mulia Kerajaan supaya dibangunkan sebuah sekolah gadis2 di dalam daerah Derga ini kerana keramaian penduduk di situ boleh dikatakan tiada kurang dengan penduduk di Seberang Perak yang ada didirikan sekolah gadis di sana. Supaya bertambah2 kemajuan bagi penduduk Melayu yang membayar hasil banyak di dalam Derga dan ramai adanya.⁹⁹

⁹⁸ Masalah ini sebenarnya berkait dengan beberapa perubahan dalam keputusan kerajaan berhubung hasrat memberhentikan kemasukan kanak-kanak perempuan ke sekolah lelaki. Lihat perbincangan seterusnya.

⁹⁹ SUK Kedah 1419/1353 Ask for:
1. *Admission of girls into the Malay Boys' School, Derga*
2. *Erection of a Girls' School in the future.*

Sebenarnya kerajaan Kedah sendiri kelihatan tidak pasti atau teragak-agak dalam melaksanakan arahan ini. Pada suatu ketika kerajaan membenarkan pula kanak-kanak perempuan ditumpangkan di sekolah lelaki buat sementara waktu kerana menyedari kerajaan perlu membina lebih banyak sekolah berasingan untuk kanak-kanak perempuan sekiranya arahan itu mahu dilaksanakan dan ini tentunya memakan belanja yang besar. Tunku Mahmud selaku Presiden Majlis Mesyuarat Negeri sendiri pada 1934 pernah memberi reaksi tentang perkara ini. Antara perkara yang ditimbulkan Tunku Mahmud ialah:

1. kanak-kanak perempuan tidak harus dikecualikan daripada mendapatkan pelajaran.
2. kanak-kanak lelaki dan perempuan tidak boleh bercampur dalam satu kelas kerana ia menyalahi hukum agama
3. sekiranya tidak boleh mendapatkan guru perempuan maka guru-guru lelaki boleh diambil untuk sementara waktu bagi mengajar kanak-kanak perempuan.
4. perlu diadakan sekolah berasingan untuk kanak-kanak perempuan. Sekolah perempuan sepatutnya didirikan secara beransur-ansur setiap tahun. Namun sekiranya bilangan kanak-kanak perempuan terlalu sedikit maka tidak perlulah diadakan sekolah berasingan. Ia memadai dengan menumpangkan mereka di sekolah lelaki tetapi hendaklah dibuat pembahagi (dinding sekerat) yang memisahkan kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan.¹⁰⁰

Kerajaan lebih cenderung kepada pandangan Tunku Mahmud untuk membenarkan kanak-kanak perempuan belajar di sekolah lelaki dengan membuat dinding pemisah. Ia menjimatkan belanja kerana tidak perlu membina atau menyewa bangunan berasingan dan juga tidak perlu mengambil guru-guru berasingan (perempuan). Apatah lagi Pemangku Pengguna Pelajaran, E. La Ma. Stowell melaporkan kepada kerajaan dalam surat bertarikh 14 Januari 1934 bahawa beliau telah menerima tidak kurang daripada 589 permohonan daripada ibu bapa untuk memasukkan anak-anak

¹⁰⁰ SUK Kedah 3339/1352 *Superintendent of Education 14 Januari 1934. Re admission of girls into Boys' schools.*

perempuan mereka di 42 buah sekolah lelaki yang terdapat di negeri itu.¹⁰¹ Tidak lama selepas itu Tunku Mahmud sekali lagi membuat cadangan agar kerajaan mengambil hanya kanak-kanak yang berusia tidak lebih daripada 10 tahun sahaja belajar di sekolah lelaki. Perkara ini dibawa ke mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri pada 19 Mac 1934 dan akhirnya keputusan dibuat membenarkan kanak-kanak perempuan yang kecil (di bawah umur 10 tahun) belajar di sekolah lelaki dalam darjah satu sahaja dan kemudian akan ditimbang semula apabila kanak-kanak perempuan itu hendak naik darjah. Pada 7 Mei 1934, Majlis Mesyuarat Negeri sekali lagi telah membatalkan keputusan yang dibuat pada 19 Mac 1934 yang membenarkan kanak-kanak perempuan belajar di sekolah lelaki. Kerajaan juga mengarahkan Pengguna Pelajaran memberhentikan semua kanak-kanak perempuan yang telah diterima masuk belajar di sekolah lelaki di negeri itu.

Satu lagi masalah yang dihadapi dalam perkembangan pendidikan sekolah perempuan di negeri Kedah ialah kekurangan guru-guru perempuan. Sehingga 1929, Kedah hanya mempunyai 17 orang guru perempuan. Bilangan guru di Sekolah-sekolah Perempuan di Kedah adalah seperti berikut.¹⁰²

1. Seberang Perak, Alor Setar

Bilangan murid 150 orang	Guru dua orang guru gred satu tiga orang guru gred dua seorang “ <i>Student Teacher</i> ” atau <i>Pupil Teacher</i> ” akan dinaikkan pangkat ¹⁰³
--------------------------	---

¹⁰¹*Ibid.*

¹⁰² SUK Kedah 1448/1348 *Superintendent of Education 13 Oktober 1929. Promotion of Sopiah binti Haji Mahmud, Head Mistress, Grade II, Girls' School, Yen, to Grade I.* Lihat di bawah tajuk “Report on Staffing of Malay Girls’ Schools, Kedah.”

¹⁰³ “*Student Teacher*” atau *Pupil Teacher*” merujuk kepada murid-murid yang telah lulus yang kemudiannya diambil sebagai pembantu guru.

Cik M. N. Lewis sebagai Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan dalam satu laporannya menjelaskan bilangan guru seramai enam orang di Sekolah Perempuan Seberang Perak agak mencukupi walaupun agak sukar mengharapkan prestasi yang baik daripada mereka jika melihat kepada jumlah pelajar yang begitu ramai dalam satu darjah.

2. Yan

Bilangan murid 120 orang Guru tiga orang guru gred dua
seorang “*Student Teacher*”

Di Yan, bilangan guru seramai empat orang juga dianggap mencukupi dan Guru Besar sekolah berkenaan iaitu Sopiah Haji Mahmud telahpun dicadangkan untuk dinaikkan pangkat kepada guru gred satu¹⁰⁴ ekoran prestasi kerja yang memuaskan dan berjaya menjadikan Sekolah Perempuan Melayu Yan mendapat markah “terlalu baik” dalam peperiksaan dan muncul sebagai sekolah paling bersih di negeri itu. Cadangan ini telah diluluskan oleh kerajaan dan berkuatkuasa pada 1931.

3. Sungai Petani¹⁰⁵

Bilangan murid 53 orang Guru seorang guru gred satu
seorang guru gred dua

Di Sungai Petani, bilangan dua orang guru untuk mengendalikan 53 orang murid dianggap memuaskan dan tidak memerlukan penambahan guru.

4. Kota Kuala Muda

Bilangan murid 60 orang Guru dua orang guru gred dua

¹⁰⁴ SUK Kedah 1448/1348 *Superintendent of Education, 13 Oktober 1929. Promotion of Sopiah binti Haji Mahmud.* Semasa dilantik menjadi Guru Besar sewaktu sekolah tersebut dibuka pada 17 Ogos 1928, Sopiah berada dalam gred dua. Gaji yang diterima adalah sama dengan gaji guru pembantu.

¹⁰⁵ *Ibid.*

Guru tambahan diperlukan di sekolah Perempuan Kota Kuala Muda memandangkan sekolah itu dibahagikan kepada lima bilik darjah. Pada tahun sebelumnya sekolah ini mempunyai empat orang guru (termasuk seorang guru gred Satu).

5. Kulim

Bilangan murid 107 orang	Guru seorang guru gred satu dua orang guru gred dua
--------------------------	--

Cik Lewis mencadangkan dilantik seorang guru lagi untuk mengajar di sekolah tersebut. Pada tahun 1930, Cik Lewis sekali lagi mengemukakan permohonan untuk menambahkan guru wanita. Setakat tahun tersebut Kedah sudah mempunyai 19 orang guru untuk sekolah perempuan. Seorang lagi guru tambahan diperlukan di Sungai Petani dan ini menjadikan keperluan kepada 20 orang guru wanita kesemuanya.¹⁰⁶

Selain guru-guru mengajar matapelajaran biasa, masalah yang sama dihadapi untuk mendapatkan guru mengajar al-Quran di sekolah Melayu. Sehingga 1931 terdapat hanya tujuh orang guru al-Quran di sekolah perempuan dan Sheikh-ul-Islam, Wan Sulaiman, telah memohon dua orang lagi guru tambahan. Kekurangan guru al-Quran dan guru agama di sekolah lelaki adakah diatasi dengan mengambil guru daripada sekolah lain yang difikirkan berlebihan berbanding jumlah murid namun dalam kes sekolah perempuan, pelantikan baru harus dibuat kerana guru-guru lelaki tidak boleh ditukarkan ke sekolah perempuan. Dalam hal ini Sekolah Perempuan Yan memerlukan seorang guru tambahan dengan kadar segera kerana setakat ini hanya ada seorang guru agama mengajar di sekolah tersebut yang mempunyai kedatangan murid mencecah 51

¹⁰⁶ SUK Kedah 1703/1349 *Superintendent of Education 4 November 1930. Forwards Proposals Concerning Malay School Staff for 1350.*

orang.¹⁰⁷ Memandangkan bilangan murid semakin meningkat, kerajaan bersetuju menyusun semula nisbah bilangan guru al-Quran dan guru agama mengikut jumlah murid sebagaimana yang ditunjukkan di bawah.¹⁰⁸

Sehingga 1931

20 orang murid - seorang guru
38-62 orang murid - dua orang guru
83- 87 orang murid - tiga orang guru
88-112 murid - empat orang guru
113-137 murid - lima guru

Cadangan Perubahan

30 orang murid - seorang orang guru
45-74 orang murid - dua orang guru
75-104 orang murid - tiga orang guru
105-134 murid - empat orang guru
135-164 orang murid- lima orang guru

Satu lagi langkah yang cuba diperkenalkan oleh kerajaan ialah dengan mengurangkan pengambilan guru al-Quran dan guru agama untuk menjimatkan perbelanjaan. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$38,258 untuk tahun 1931 bagi pelajaran al-Quran dan agama. Peruntukan ini meningkat kepada \$40,930 untuk tahun 1932.¹⁰⁹ Di sebalik menambahkan bilangan guru, kerajaan sebenarnya lebih cenderung untuk menaikkan gaji guru agama dan guru al-Quran yang sedia ada dengan syarat mereka terpaksa bekerja lebih masa. Langkah ini bukan sahaja menjimatkan malah lebih mudah dilaksanakan kerana kerajaan tidak perlu mencari guru-guru baru yang lain. Misalnya, bagi sekolah yang mempunyai 50 orang murid, dua orang guru akan ditempatkan di sekolah berkenaan. Jika salah seorang bersara, kekosongan ini tidak diisi sebaliknya sistem yang dicadangkan itu akan diperkenalkan secara beransur-ansur. Begitu juga di sekolah yang mempunyai 40 orang murid, seorang guru akan mengendalikannya. Jika jumlah pelajar meningkat kepada 50 orang kerajaan tidak perlu

¹⁰⁷ SUK Kedah 1001/1350 Superintendent of Education 10 Ogos 1931. *Re Arrangement of Koran Teacher in Malay Schools and Girls' Schools.*

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ SUK Kedah 1562/1351 Superintendent of Education 6 September 1932.

1. *Proposal concerning Koran Education in Malay Schools*
2. *Closing of Malay Schools on Fridays and Saturdays*

melantik seorang lagi guru baru sebaliknya meningkatkan gaji guru agama dan al-Quran yang sedia ada sebagai bayaran bekerja lebih masa.

Pengajaran agama dan al-Quran pernah mencetuskan perbincangan dalam kerajaan pada suatu ketika dahulu. Laporan yang dibuat pada 1933 menyebut hanya 3,616 orang daripada 10,882 orang murid yang berdaftar di sekolah Melayu menghadiri kelas al-Quran. Seramai 162 guru al-Quran dan dua orang guru pelawat terlibat dalam pengajaran yang melibatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak \$41,000. Kerajaan mengarahkan kelas al-Quran dan agama diadakan pada sebelah petang dari jam 2.30 hingga 4.30 petang untuk lima hari dalam seminggu iaitu Sabtu, Ahad, Isnin, Selasa dan Rabu. Berdasarkan jadual yang diberi sekolah perempuan memulakan kelas agama lebih awal daripada sekolah lelaki tetapi tamat pada masa yang sama.¹¹⁰ Sesetengah ibubapa melihat jadual ini terlalu memenatkan kanak-kanak kerana selepas menghabiskan pelajaran di sesi pagi mereka terpaksa datang semula untuk belajar agama di sebelah petang.¹¹¹ Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, peraturan-peraturan yang ditetapkan itu tidaklah dipatuhi sepenuhnya malah terdapat banyak masalah sehingga

¹¹⁰ Lihat Apendiks E Sistem Pelajaran Agama dan al-Quran di Kedah pada 1933.

¹¹¹ SUK Kedah 3637/1353 *Re evening classes at the Government English School, Alor Setar*. Dalam satu surat yang ditulis oleh Che Abdul Hamid bin Che Abdul Rahim, bekas 2nd Chief Magistrate kepada kerajaan pada 2 Februari 1935, beliau membangkitkan perkembangan Sekolah Inggeris Kerajaan (GES) sejak dimulakan peraturan baru bersekolah sesi petang untuk belajar Quran dan agama pada 1935. Menurut beliau, selepas tamat sesi pagi pada 12.30 tengahari, ada murid-murid yang terpaksa berjalan kaki sehingga dua batu untuk balik makan dan kemudiannya terpaksa datang semula untuk sessi petang yang bermula pada pukul dua hingga empat petang. Ada yang tidak balik rumah dan tidak makan. Keadaan menjadi bertambah buruk sewaktu musim panas sehingga ada yang demam dan jatuh sakit. Sebaik sahaja tamat belajar agama pada pukul 4.00 petang, murid-murid lelaki terpaksa turun ke padang untuk berlatih bermain bola sepak, hoki, kriket, ragbi dan lain-lain permainan yang disyaratkan kepada semua pelajar. Latihan ini hanya tamat pada pukul 6.30 petang. Che Hamid mencadangkan kerajaan mengubah waktu mengajar subjek agama ke sebelah pagi, misalnya, dari pukul 12.30 tengahari sehingga 1.00 tengahari. Latihan sukan pula bermula pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang. Perubahan ini membolehkan pelajar berehat dan makan dengan sempurna di rumah masing-masing.

perkara ini dibincangkan semula. Antara masalah yang dibangkitkan dalam laporan Sheikh-ul-Islam ialah:¹¹²

1. Sungguhpun guru-guru yang terlibat dalam pengajaran tersebut pandai dari segi agama namun mereka kurang pandai mengajar dan mengawal kanak-kanak.¹¹³
2. Peraturan sekarang yang menetapkan tiap-tiap seorang guru mengajar dua darjah dalam masa yang sama menyebabkan ada guru darjah itu yang membuang masa dan menyebabkan murid-murid merasa jemu.
3. Guru-guru nampaknya tidak mempunyai kaedah mengajar yang berkesan. Pada masa guru hendak mengajar darjah satu maka murid-murid darjah dua diminta membaca Quran. Memandangkan mereka membaca beramai-ramai dengan suara yang kuat maka murid-murid darjah satu tidak dapat mendengar dan mengikuti pelajaran guru.
4. Memandangkan kanak-kanak kecil tidak boleh diajar satu perkara dalam masa yang sama (2.30 hingga 4.30 petang) maka ramai yang keberatan datang ke sekolah dan ada yang datang lambat. Ini menyukarkan tugas pengajaran dan guru juga menghadapi kesukaran untuk menyelia kedatangan pelajar. Akhirnya kanak-kanak datang sesuka hati dan guru tidak mencatat kedatangan.¹¹⁴ Keadaan menjadi lebih buruk apabila ada di kalangan guru yang bersikap sambil lewa dan datang lambat ke kelas. Perkara ini menghilangkan minat pelajar dan menjadikan mata pelajaran agama dan Quran sebagai sia-sia sahaja.

Pendekata, tiada satu kaedah yang jelas tentang bagaimana pelajaran agama dan al-Quran harus dijalankan dengan berkesan dan bagaimana kedatangan murid-murid harus dikawal dan digalakkan. Jawatankuasa juga berpendapat sistem yang dijalankan nampaknya kurang berkesan kerana $2\frac{1}{2}$ jam yang diperuntukkan untuk pelajaran agama

¹¹² SUK Kedah 2002/1352 *Superintendent of Education 12 September 1933. Education Committee Report on System of Religious Instruction and Koran Teaching.*

¹¹³ Guru al-Quran yang dilantik dan berpencen mestilah mempunyai tauliah daripada Sheikh-ul-Islam, boleh membaca al-Quran dengan baik, boleh membaca dan menulis tulisan jawi, boleh mengeja dalam bahasa Arab dan tahu ilmu kira-kira yang mudah.

¹¹⁴ Dalam satu lawatan ke sebuah sekolah yang dibuat oleh satu jawatankuasa kecil yang dibentuk untuk menilai perjalanan kelas agama dan Quran, didapati hanya 91 orang daripada 131 orang pelajar yang hadir. Buku kedatangan tidak disemak sehingga jam 3.30 petang iaitu sejam selepas kelas sepatutnya bermula. Semasa lawatan dibuat, ramai murid sedang bermain di luar sekolah dan di darjah Tiga iaitu darjah tertinggi hanya dua orang murid sahaja yang hadir.

setiap hari selama empat tahun bukan sahaja memenatkan malah menjadikan pelajar jemu dan tidak berminat untuk ke sekolah. Guru-guru pula kurang terlatih dari segi pengurusan bilik darjah dan pengajaran. Guru-guru yang mendapat latihan adakalanya terpaksa dibawa daripada luar negeri Kedah. Tawaran gaji yang lebih baik juga terpaksa dibuat untuk menarik minat guru-guru perempuan. Masalah juga dihadapi dalam mengekalkan guru-guru perempuan disekolah kerana bagi yang telah berkahwin, mereka berhadapan dengan tanggungjawab terhadap tugas dan rumahtangga serta masalah cuti bersalin. Sesetengahnya pula tidak mempunyai kemahiran lalu tugas berat terpaksa dipikul oleh Penyelia Sekolah-Sekolah Perempuan untuk mengendalikan tugas-tugas memberi kemahiran kepada mereka.

Anak-anak Elit dan Sekolah Perempuan Kampung Baharu (KBGS)

Satu-satunya sekolah perempuan yang mendapat perhatian khusus kerajaan ialah Sekolah Perempuan Kampung Baharu (selepas ini dikenali sebagai KBGS). Penubuhan sekolah ini sebenarnya berkait rapat dengan tuntutan daripada pihak istana. Perkara ini belum pernah disentuh dalam mana-mana penyelidikan berkenaan sejarah perkembangan sekolah-sekolah di Kedah termasuk dalam laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kedah pada 1976.¹¹⁵ Rekod paling awal berhubung penubuhan KBGS ialah satu petisyen bertarikh 19 Disember 1922 daripada sekumpulan pegawai kerajaan Melayu yang memohon sebuah sekolah perempuan aliran Inggeris yang khusus untuk anak-anak kerabat dan pembesar dibuka di negeri itu. Petisyen ini menyebut meskipun langkah kerajaan membuka sekolah Inggeris bakal

¹¹⁵ Untuk tinjauan lanjut, lihat, *Sejarah Perkembangan Sekolah-sekolah Negeri Kedah*, disusun oleh Jawatankuasa Penulisan, Alor Setar: Jabatan Pelajaran Kedah, 1976; Norliah Ahmad 1969/70. "History of Education in Kedah, 1909-1945," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Bukhari bin Abdullah 1982. "Sejarah Perkembangan Pelajaran Sekolah Inggeris di Kedah, 1909-1940," Latihan Ilmiah (Jabatan Sejarah), Universiti Kebangsaan Malaysia.

membawa banyak kebaikan kepada negeri itu namun langkah ini tidak akan menguntungkan anak-anak muda yang berpelajaran tadi “dengan sebab isteri ia apa tiada pengetahuan di atas membela dan pelihara serta membelanja perbelanjaan rumah tangga ia apa yang membawa kapada hilang maruah sampai kapada suaminya dengan kerana berhutang.”¹¹⁶ Meskipun petisyen ini dengan jelas menuntut sebuah sekolah berasingan untuk anak perempuan kerabat diraja, pembesar dan pegawai tinggi kerajaan untuk diberikan latihan tentang penjagaan rumah tangga, kebersihan dan ekonomi namun apa yang kurang jelas pada awalnya di pihak kerajaan ialah mengapa penulis-penulis petisyen berkenaan beranggapan hasrat tersebut hanya dapat dicapai dengan memberi pendidikan Inggeris.¹¹⁷

Pada hakikatnya tuntutan pegawai-pegawai Melayu ini lebih berdasarkan untuk menjaga status dan maruah. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab sebelumnya, gejala berhutang di kalangan wanita kerabat benar-benar memalukan kerajaan dan keluarga diraja. Malah Presiden Majlis Mesyuarat Negeri sendiri pernah mencadangkan bahawa hanya pendidikan sahaja yang dapat mengubah tabiat ini. Berdasarkan suasana ini tuntutan diajukan kepada kerajaan untuk memberi pelajaran kepada anak-anak perempuan kerabat agar penyakit berhutang di kalangan ibu bapa dan kaum kerabat tidak dicontohi oleh anak-anak mereka. Dari satu segi yang lain, mempunyai isteri yang berpelajaran menaikkan maruah dan status suami. Pegawai kerajaan Melayu yang kebanyakannya berpendidikan Inggeris, sering bertemu dengan pegawai dan rakan-rakan daripada kalangan orang Eropah dalam majlis-majlis sosial. Harapan golongan ini

¹¹⁶ SUK Kedah 987/1341 *Suggest that a proper Malay Girls School be established.* Lihat Apendiks F Petisyen daripada pegawai kerajaan Kedah untuk membuka sekolah perempuan aliran Inggeris.

¹¹⁷ SUK Kedah 1561/1353 *Superintendent of Education, 16 Ogos 1934: Report of the Committee appointed to enquire into the organization of the Kampong Baharu Girls' School, Alor Setar.* Petikan laporan berkenaan juga terdapat dalam SUK Kedah 2262/1353 *Under Secretary to the Government, 10 Oktober 1934: Kedah Education Report: Girls' English Education.*

isteri mereka boleh berbual dengan isteri lelaki Inggeris yang mereka temui samada sewaktu bertugas atau semasa bercuti ke luar negeri.¹¹⁸

Anak-anak perempuan golongan kerabat juga kemudian kelak akan memikul tugas-tugas mengendalikan rumahtangga. Sebagai isteri mereka perlu bijak mengendalikan perbelanjaan rumah tangga. Justeru itu latihan yang perlu diberikan kepada anak-anak perempuan ini bukan sahaja dalam soal rumahtangga, kebersihan dan ekonomi malah juga latihan dalam pelbagai aturan dan sikap seperti ketepatan masa, kebersihan diri dan hubungan sosial. Perkara ini dianggap oleh pegawai Melayu hanya mampu dicapai di sekolah-sekolah yang diketuai wanita Eropah sebagai guru besar.

Berdasarkan perbincangan di atas sekurang-kurang dua tujuan utama mengapa pegawai Melayu memohon sekolah aliran Inggeris untuk anak-anak perempuan dapat dikesan. Pertama, golongan kerabat atau disebut dalam laporan berkenaan sebagai “orang baik-baik” tidak mahu menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah biasa bercampur dengan anak-anak rakyat tetapi mempunyai impian besar agar anak perempuan mereka mendapat pelajaran yang lazim diberikan kepada kanak-kanak di sekolah Melayu. Kedua, golongan kerabat juga berharap kerajaan menambahkan pelajaran selain yang diajar di sekolah biasa iaitu “ilmu menjaga rumahtangga” dan

¹¹⁸ SUK Kedah 1561/1353 Superintendent of Education 16 Ogos 1934. *Reports of the Committee appointed to enquire into the organization of the Kampong Baharu Girls' School, Alor Setar*, hlm. 21-22. Cik Tom Abdul Razak, bekas guru KBGS sendiri menegaskan tujuan memberikan pendidikan Inggeris kepada anak-anak perempuan kerabat diraja ini ialah “supaya mereka hilang malu bila bergaul dan bercakap-cakap dengan isteri-isteri pegawai Inggeris yang bekerja di Kedah pada masa itu.” Lihat, Dato’ Ahmad Nordin bin Haji Mohd. Zain 1991, “Sejarah Pendidikan Inggeris dan Pelajaran Tinggi di Kedah,” *Dokumentasi Konvensyen Sejarah, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman*, hlm. 109.

“ilmu bercakap sedikit-sedikit bahasa Inggeris”.¹¹⁹ Pendedahan kepada nilai-nilai barat yang menjadi simbol status dan yang membezakan pegawai-pegawai Melayu daripada rakyat biasa mahu diperkuuhkan lagi dengan memberikan pendidikan Inggeris kepada anak-anak perempuan mereka. Pada masa yang sama golongan elit seringkali merasakan perlu menghantar anak-anak perempuan ke sekolah moden agar peluang mendapat pasangan hidup dari kalangan anak “orang baik-baik” juga bertambah baik apabila tiba masanya mereka berumahtangga kelak.¹²⁰

Berdasarkan latar belakang ini pada 1924 tertubuhlah KBGS dengan pengawasan penuh kerajaan dan mendapat sokongan padu keluarga diraja seperti Tunku Ibrahim dan adindanya, Tunku Yaakob, seorang lulusan Cambridge yang mempunyai pemikiran yang liberal. Mereka berdua bersama-sama Syed Ahmad Jitra, Syed Mohd. Idid, Encik Ismail Puteh dan E. A. G. Stuart, Pengguna Pelajaran waktu itu, bertindak sebagai jawatankuasa pemilihan kanak-kanak untuk masuk ke sekolah tersebut. KGBS beroperasi di sebuah istana lama berusia 70 tahun milik Cik Champa Chendera, isteri pertama Sultan Abdul Hamid yang dibeli oleh kerajaan pada 1922. Usaha memujuk dan menggalakkan ibubapa menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah berkenaan telahpun bermula sejak adanya ura-ura menuju sekolah tersebut. Guru Besarnya yang pertama ialah Cik M. C. Waddell yang dibantu oleh dua orang guru penolong iaitu Cik Rahmah dan Cik Intan. Antara murid-muridnya yang awal ialah puteri-puteri Sultan Abdul Hamid iaitu Tunku Lat dan Tunku Habshah dan cucunda baginda, Tunku Kutam binti Tunku Abdullah, puteri-puteri Tunku Yaakob iaitu Tunku Mariam dan

¹¹⁹ SUK Kedah 1561/1353 *Superintendent of Education 16 Ogos 1934: Report of the Committee appointed to enquire into the organisation of the Kampong Baharu Girls' School*, hlm. 1. Lihat di bawah tajuk “Report di atas Sekolah Perempuan Kampong Baharu, bah. 1, Permintaan Kedah Civil Servants, 1341.

¹²⁰ Michael Swift 1964. “Men and Women in Malay Society,” dalam Barbara E. Ward (Peny.). *Women in the New Asia: The changing social roles of men and women in South and South-East Asia*, Paris: UNESCO, hlm. 284-285.

Tunku Rodziah, anak-anak perempuan Tuan Syed Mohd. Idid dan anak Encik Ismail bin Puteh, Setiausaha Bahagian kepada Kerajaan, yang bermama Salmah yang akhirnya menempa sejarah menjadi wanita pertama di Tanah Melayu yang lulus ilmu kedoktoran.

Pada peringkat awal, mutu pelajaran di KBGS dianggap tidak memuaskan kerana di samping konsep 3 M (membaca, menulis dan mengira) yang mudah, murid-murid hanya diajar cara menguruskan rumahtangga, jahitan, kerjatangan dan kemudiannya pelajaran masakan yang diperkenalkan pada 1931. Tujuan diperkenalkan mata pelajaran masakan ialah untuk mengajar kanak-kanak perempuan menyediakan makanan ringkas dan mudah, penyediaan masakan untuk diri sendiri serta mempelbagaikan cara menyediakan masakan Melayu dengan mengajar masakan barat yang telah disesuaikan dengan selera orang Melayu.¹²¹ Pada 1928 mata pelajaran kesihatan, lukisan, ilmu Alam dan juga latihan lisan dalam bahasa Inggeris diperkenalkan. Sementara itu pelajaran agama pula diajar sekali seminggu.¹²²

Pelantikan Cik M. N. Lewis pada Jun 1929 bagi menggantikan Cik Waddell membawa banyak perubahan kepada sekolah berkenaan dari segi semangat dan pembaharuan. Pada tahun itu juga Cik Intan bersara dan diganti oleh Cik Tom Abdul

¹²¹ SUK Kedah 212/1350 *Superintendent of Education. Proposal to teach cookery in the Girls' School, Kampung Baharu, Alor Setar.* Majlis Mesyuarat Negeri pada tahun 1931 telah meluluskan peruntukan perbelanjaan untuk tahun berkenaan bagi membuat dapur dan perkakas dapur bagi pelajaran masakan, membeli peralatan memasak dan mengupah seorang guru.

¹²² *Sejarah Perkembangan Sekolah-sekolah Negeri Kedah*, hlm. 19. Lihat juga SUK Kedah 1920/1349 *Superintendent of Education 24 November 1930. Suggests appointment of a full time woman teacher for Koran and religious instruction at the Girls' School, Kampong Baharu.* Pada peringkat awalnya, Sheikh-ul-Islam mengajar murid-murid KBGS pelajaran agama dan al-Quran pada setiap hari Sabtu dari pukul 12 hingga 1.00 tengahari. Namun lama kelamaan Sheikh-ul-Islam tidak dapat meneruskan tugas itu dan mencadangkan diambil seorang guru wanita yang mempunyai pengetahuan agama untuk menjadi pengajar penuh masa. Cadangan ini dipersetujui oleh jawatankuasa yang terdiri daripada Tunku Md. Jewa, Tuan Syed Idid, Guru Besar KBGS dan Penguasa Pelajaran yang menetapkan pelajaran al-Quran diajar pada setiap hari Selasa dan Rabu dari pukul 2.30 hingga 4.00 petang sementara pelajaran agama di ajar pada hari Sabtu dari pukul 12.00 hingga 1.00 tengahari.

Razak dari Selangor. Kebanyakan wanita yang telah berkahwin biasanya datang berkhidmat sebagai guru di Kedah kerana mengikut suami yang datang bertugas di negeri itu. Che Tom, wanita Melayu pertama yang lulus peperiksaan Junior Cambridge dan menjawat jawatan Penolong Penyelia Sekolah Perempuan Melayu di Selangor, misalnya, datang berkhidmat di Kedah setelah suaminya, M. Zin bin Ariffin, dilantik sebagai Setiausaha Sulit kepada Sultan Kedah.¹²³ Cik Lewis yang berbangsa Wales bersama-sama Cik Tom mempunyai semangat yang tinggi untuk membebaskan wanita Kedah daripada prasangka lapuk dan konservativisme.

Dua perkara yang sentiasa dalam pemikiran Cik Lewis dan Cik Tom ialah mereka mengajar anak-anak kerabat diraja dan anak orang-orang besar yang tentunya berlainan dengan sikap anak rakyat biasa. Keduanya, mereka juga berdepan dengan murid-murid dari pelbagai umur daripada enam hingga 15 tahun. Perbezaan umur yang besar ini menyukarkan pengajaran.¹²⁴ Untuk mengatasi kesukaran ini Cik Lewis dan kakitangannya terpaksa menggunakan kaedah pengajaran tertentu. Satu kaedah yang penting ialah mewujudkan suasana belajar yang tidak terlalu mendesak sehingga menakutkan pelajar. Murid-murid, misalnya, masih dibenarkan memakai pakaian Melayu dengan rambut panjang diikat. Peraturan yang ketat, walau bagaimanapun, dikenakan terhadap perkara lain seperti tidak dibenarkan berjalan bebas dan mestilah sentiasa dihantar dan dijemput semasa pergi dan balik daripada sekolah. Peraturan seperti ini bertujuan meredakan pandangan serong masyarakat Melayu waktu itu

¹²³ Surat Persendirian S.P. 30/1-15 Puan Hajah Tom bt. Dato' Abdul Razak. Beliau bertugas sebagai Penolong Penyelia mulai 3 Disember 1929 sehingga 1 Januari 1958. Lihat juga, *Pejabat Pelajaran Kedah EOK. 20/1945, 20 Oktober 1945. Secondment of Che Kontik Kamariah bt. Ahmad as Head Mistress, Kampong Baharu Girls' School, Alor Setar, Kedah*. Puan Kontik Kamariah juga datang berkhidmat di Kedah kerana mengikut suami yang dihantar bertugas di negeri itu.

¹²⁴ S.L. 19 Wawancara Sejarah Lisan, Puan Tom Abdul Razak. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. Menurut Cik Tom, rata-rata yang mula bersekolah di KBGS dalam usia 15 tahun. Umur ini “terlalu tua” untuk memulakan persekolahan namun pihak sekolah tidak dapat menolak kedatangan mereka.

terhadap usaha memberi pelajaran kepada kanak-kanak perempuan. Justeru itu menjadi fenomena biasa murid-murid datang ke sekolah dengan lanca tertutup dan kereta berlangsin kerana “dianggap tidak manis dan memerlukan bagi mereka muncul di khalayak ramai dan banyak orang akan mengangkat keping dan berketak-ketak apabila Tunku Habshah memandu kereta Baby Austin yang berwarna kuning” untuk ke sekolah.¹²⁵

Disebabkan umur murid-murid yang berbeza, sukanan pelajaran yang khusus terpaksa diadakan. Matapelajaran kini terpaksa diajar mengikut umur dan kehendak murid-murid. Sejak Cik Lewis menjadi Guru Besar, murid-murid yang lemah atau yang tidak berminat dalam bidang akademik diberikan pelajaran masak memasak, jahit menjahit dan kerja tangan. Menurut Lewis, murid-murid yang berumur lebih “tua” tidak boleh dipaksa belajar mata pelajaran akademik sepenuhnya kerana mereka agak sukar menerima pelajaran yang diajar. Cik Lewis benar-benar menggunakan kaedah psikologi dalam mendidik murid-murid di sekolah berkenaan. Malah sejak kedatangan beliau pada 1929, guru-guru di KBGS sudah mula belajar membuat alat-alat bantuan mengajar seperti kad dan kotak. Setiap pelajar mempunyai kotak masing-masing yang sentiasa disemak dan dikaji perkembangan pembelajarannya oleh guru. Oleh yang demikian kebijakan setiap pelajar benar-benar dijaga kerana konsep yang dipegang oleh guru-guru di KBGS waktu itu ialah “mengajar sebuah darjah dan habuannya adalah untuk sebuah darjah dan bukannya individu.”¹²⁶

¹²⁵ Dato' James F. Augustine, *Kedah Zaman Silam*, hlm, 123.

¹²⁶ SL. 19 Wawancara Sejarah Lisan, Puan Tom bt. Abdul Razak.

Dengan kesukaran tadi, proses pengajaran dan pembelajaran di KBGS benar-benar memakan masa. Cuma yang agak memudahkan kerja guru-guru waktu itu yang seramai tiga orang ialah bilangan murid yang tidak ramai. Setiap guru mempunyai pengkhususan masing-masing. Cik Lewis, misalnya, mengajar bahasa Inggeris, Cik Tom mengajar bahasa Melayu dan untuk seketika Cik Jessie Israel pernah mengajar kebersihan dan penjagaan kesihatan.¹²⁷ Kaedah praktikal lebih ditekankan, misalnya, dacing dibeli untuk belajar sukatan dan timbangan. Murid-murid digalakkan mengambil bahagian dengan menimbang sendiri bahan-bahan yang disediakan. Selepas kaedah praktikal difahami barulah buku digunakan untuk mengajar. Untuk mengajar membaca pula, murid-murid tidak terus diajar mengeja. Biasanya kad digunakan untuk memperkenalkan sesuatu huruf dan perkataan. Setiap pelajar mempunyai kotak tertentu dan sesiapa yang telah menghabiskan kotak pertama akan membuka kotak kedua dan seterusnya. Sistem carta digunakan untuk mewujudkan persaingan sesama pelajar. Kaedah ini menggalakkan murid-murid belajar bersungguh-sungguh sehingga menjadi seperti apa yang disifatkan oleh Cik Tom “dari tidak boleh membaca akhirnya boleh membaca.”¹²⁸

Kesungguhan Cik Lewis dan guru-guru di KBGS akhirnya terbayar apabila sekolah itu berjaya menghasilkan doktor perubatan yang pertama di Tanah Melayu iaitu Dr Salmah Ismail. Dr. Salmah merupakan contoh murid yang ingin melangkau lebih jauh daripada tujuan dan harapan asal sekolah itu didirikan. Meskipun darjah tertinggi

¹²⁷ SUK Kedah 3129/1349 *Superintendent of Education. Recommends Appointment of Cik Jessie Israel as English Teacher, Girls' School, Kampung Baharu.* Cik Jessie Israel berbangsa Tamil sebenarnya dicadangkan untuk mengajar bahasa Inggeris bagi menggantikan Cik Caroline Srinivasagam yang telah berhenti kerja. Cik Israel berasal dari Singapura dan memperolehi sijil perguruan pada 1918 untuk mengajar sekolah rendah dan darjah satu. Pada masa yang sama beliau juga lulus peperiksaan perbidanan dan pernah menjadi jururawat. Perlantikan Cik Israel diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada 6 Mac 1931.

¹²⁸ SL. 19 *Wawancara Sejarah Lisan, Puan Tom bt. Abdul Razak.*

di KBGS ialah darjah lima namun setelah lulus, Salmah telah meneruskan pengajian secara persendirian dengan mendapat bimbingan daripada Cik Lewis sehingga lulus Junior Cambridge pada 1933 dan Senior Cambridge pada tahun berikutnya. Pada 1936, beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura dan lulus pada 1947.¹²⁹ Selain tumpuan kepada bidang akademik, KBGS juga berusaha memperkenalkan murid-murid kepada latihan senaman dan bersukan seperti bermain bola jaring, badminton dan tenis. Lawatan, perkelahan dan pertunjukan pentas turut diadakan untuk mempelbagaikan kegiatan murid serta mengelakkan rasa jemu. Cik Tom pernah menyelenggarakan satu pertunjukan pentas yang bertajuk “Flower Drill” yang melibatkan murid-murid yang berusia 14 tahun ke bawah. Kanak-kanak yang lebih dewasa tidak dibenarkan mengambil bahagian. Agak melucukan ialah para penonton telah ditempatkan di dalam khemah yang agak terlindung dan terpaksa menonton pertunjukan pentas itu dari satu sudut gelap untuk mengelakkan kanak-kanak yang mengambil bahagian merasa takut.¹³⁰

Beberapa masalah turut timbul berhubung perkembangan KBGS sebagai sekolah perempuan kerajaan aliran Inggeris yang pertama di Kedah. Seperti juga yang dilalui dalam perkhidmatan perubatan, masalah utama ialah kakitangan yang sering bertukar, berhenti dan cuti bersalin terutamanya di kalangan guru-guru pembantu. Guru-guru pengganti adakalanya tidak cekap sementara guru-guru yang bagus pula seringkali tidak dapat menyeimbangkan antara tuntutan tugas rumahtangga dengan kerjaya mereka. Sebagai contoh, Puan Nicholas yang mengantikan Cik Rahimah bt. Haji Abu Bakar

¹²⁹ Dato' Ahmad Nordin bin Haji Mohd. Zain. “Sejarah Pendidikan Inggeris dan Pelajaran Tinggi di Kedah,” hlm. 109.

¹³⁰ *The Gate*, Historical Society, Sultan Abdul Hamid College, Alor Setar: Kedah Government Press, 1953, hlm. 17.

untuk mengajar bahasa Inggeris peringkat asas mulai 1 Mei 1930 telah menghantar notis berhenti kerja selepas tiga hari bertugas.¹³¹ Dalam satu kes lagi, Puan Chasey yang menggantikan Puan K. Bruce sebagai guru masakan di KBGS mulai 1 Ogos 1935 telah menghantar surat berhenti kerja tidak lama kemudian. Alasan yang diberikan oleh Puan Chasey ialah kesuntukan masa untuk mencari kehidupan sendiri akibat terlalu terikat dengan tugas mengajar masakan di sekolah tersebut. Kesibukan tugas ini menyebabkan beliau tidak berpeluang menziarahi kawan-kawan dan pergi bercuti pada masa-masa yang sesuai.¹³²

Pertukaran yang kerap terutamanya di kalangan wanita-wanita Inggeris telah menimbulkan rasa tidak senang kerajaan. Dalam satu catatan, Setiausaha Kerajaan Kedah menulis “tampak fasal ambil mem2 tulong perbuat kerja master sabentar itu tiada memberi puas hati dan budak2 yang belajar itupon boleh jadi nyanyok.”¹³³ Kerajaan juga menegaskan sewaktu cadangan memperkenalkan mata pelajaran Kesihatan Rumahtangga dan “Housecraft” (termasuk masakan) dibuat, perancangan asalnya mata pelajaran ini diajar oleh Guru Besar. Malang sekali tidak semua Guru Besar mempunyai pengetahuan tentang masakan. Oleh kerana majoriti murid-murid yang diajar masakan berumur antara sembilan hingga 10 tahun dengan bilangan mereka dalam lingkungan enam orang sahaja untuk dua masa dalam seminggu, kerajaan mencadangkan diambil guru-guru tempatan untuk mengambil-alih tugas wanita Inggeris. Selain menjimatkan kos, kerajaan sebenarnya agak keberatan untuk menambah peruntukan kewangan untuk sekolah tersebut memandangkan sehingga 1935

¹³¹ SUK Kedah 3091/1348 *Superintendent of Education. Appointment of Mrs. Nicholas as Teacher, Girls' School, Kampung Baharu, vice Che' Rahimah bt. Haji Abu Bakar.*

¹³² SUK Kedah 1186/1354 *Superintendent of Education 1 Julai 1935. Appoinment of Mrs. Chasey as Cookery Instructor at the Kampong Baharu Girls' School, Alor Setar in place of Mrs. K. Bruce.*

¹³³ *Ibid.*

kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja \$250.00 setahun untuk setiap murid yakni dua kali ganda perbelanjaan sekolah perempuan yang lain di seluruh Tanah Melayu.¹³⁴

Satu lagi masalah yang dihadapi ialah fenomena “keluar-masuk sekolah” yang amat sukar dibendung. Penguasa Pelajaran Kedah pada 1926 pernah menganggap gejala ini sebagai mendukacitakan kerana murid-murid meninggalkan sekolah di saat-saat hampir dapat melihat hasil usaha mereka selama ini.¹³⁵ Pada peringkat awal, KBGS yang dianggap oleh golongan elit Melayu sebagai satu “eksperimen” untuk mempopularkan idea memberikan pendidikan kepada kanak-kanak perempuan di negeri itu mendapat sambutan mendadak. Kedatangan ke sekolah benar-benar dihargai memandangkan peluang untuk masuk ke sekolah berkenaan sangat terhad. Bermula dengan 23 orang sewaktu mula dibuka, bilangan murid meningkat kepada 29 orang pada 1925 dengan 90% kedatangan. Apabila sekolah itu disusun semula pada 2 Januari 1930, jumlah murid yang berdaftar yang jatuh kepada 19 orang itu meningkat semula kepada 42 orang antara Mei 1930 hingga Mei 1931 dan kemudiannya kepada 46 orang pada tahun berikutnya.¹³⁶ Catatan tertinggi murid-murid berdaftar ialah dalam tempoh antara 1932 hingga 1933 iaitu seramai 53 orang. Dalam tempoh tersebut seramai enam orang murid menarik diri sementara 15 kanak-kanak mendaftar sebagai murid baru.¹³⁷ Meskipun adakalanya bilangan murid menurun kerana masalah penyakit sebagaimana yang berlaku antara 1935 hingga 1936¹³⁸ namun sikap tidak bertanggungjawab sesetengah ibubapa turut menjadi sebab kemerosotan tersebut.

¹³⁴ *Ibid.*

¹³⁵ SUK Kedah 1033/1345 *Annual Report on Education Department*, 1344.

¹³⁶ CO 716 *Kedah Annual Report 1349 (29 Mei 1930 – 18 Mei 1931)*, hlm. 34.

¹³⁷ Lihat, CO 716 *Kedah Annual Report 1349 (29 Mei 1930 – 18 Mei 1931)*, hlm. 34; *Kedah Annual Report 1350*, hlm. 29; dan *Kedah Annual Report 1351*, hlm. 27.

¹³⁸ CO 716 *Kedah Annual Report 1353*, hlm. 44. Pada tahun ini kedatangan murid-murid yang di bawah usia 9 tahun lebih merosot kerana masalah cacar dan demam campak.

Ramai juga murid dikeluarkan dari sekolah untuk dikahwinkan. Bahkan terdapat anggapan meluas di kalangan ibubapa bahawa pendidikan yang diperolehi itu sudah memadai untuk menjadikan anak-anak mereka seorang isteri dan ibu yang baik.

Sepanjang kewujudannya, sekolah KBGS telah melalui beberapa perubahan. Dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri pada 14 Oktober 1929, sebuah jawatankuasa dibentuk untuk menyusun semula perjalanan sekolah berkenaan dari segi pengajaran, peraturan mengajar, perbelanjaan sekolah dan peraturan penjagaan sekolah. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada R. S. P. Walker, Pengguna Pelajaran selaku Pengerusi, YTM Tunku Mohamed, Tuan Syed Mohamed Idid dan Cik Lewis. Majlis Mesyuarat Negeri telah menetapkan jawatankuasa ini hanya boleh menerima 60 orang pelajar yang dipilih dari kalangan “anak orang baik-baik” dan “anak orang patut-patut.” Jawatankuasa juga membenarkan KBGS mengambil seorang guru penolong dan telah meluluskan peruntukan khas sebanyak \$600.00 untuk membeli perkakas dan kelengkapan sekolah.¹³⁹

Hasil daripada kajian yang telah dibuat oleh jawatankuasa tersebut beberapa cadangan dikemukakan kepada kerajaan. Dari segi kurikulum, misalnya, apa yang telah dijalankan waktu itu dianggap cukup memadai.¹⁴⁰ Namun jawatankuasa ini dengan jelas menetapkan “tiada mahu tolak atau ringankan pelajaran Melayu supaya digantikan dengan pelajaran Inggeris.”¹⁴¹ Meskipun matapelajaran Inggeris tetap akan diteruskan jawatankuasa ini sebenarnya tidak menetapkan satu panduan bagaimana ia patut

¹³⁹ SUK Kedah 2286/1347 *Minutes of the Meeting of the State Council for the year 1929*.

¹⁴⁰ Lihat Apendiks G Kurikulum Sekolah Perempuan Kampung Baharu (KBGS), 1929.

¹⁴¹ SUK Kedah 1561/1353 *Superintendent of Education 16 Ogos 1934. Report of the Committee appointed to enquire into the organization of the Kampong Baharu Girls' School, Alor Setar*.

dijalankan. Cik Lewis diberikan kepercayaan sepenuhnya untuk mengaturkan perkara tersebut dengan syarat Penguasa Pelajaran memberikan dua orang guru Melayu (selain Che Tom) sebagai guru penolong. Pelajaran kerja tangan pula dianggap penting bukan sahaja kerana hasil kerja yang sentiasa cantik tetapi juga kerana ia dilihat sebagai satu cara “ekspresi diri” murid-murid. Sebagaimana di awal penubuhannya, dicadangkan Sheikh-ul-Islam terus dipertanggungjawabkan mengajar mata pelajaran agama dan al-Quran di antara pukul 12.30 hingga 1.30 tengahari pada setiap hari Sabtu.¹⁴² Jawatankuasa ini juga mencadangkan kanak-kanak KBGS yang telah tamat pengajian diberikan sijil. Dari segi kakitangan pula, sebagaimana usul Cik Lewis, sekolah itu memerlukan empat orang guru iaitu Guru Besar, seorang Guru Penolong Guru Besar dan dua orang guru Melayu sebagai pembantu.¹⁴³

KBGS telah dibuka semula di bawah penyusunan baru pada 2 Januari 1930. Pada tahun berikutnya Cik Lewis telah dilantik menjadi Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan di Kedah di samping kekal sebagai Guru Besar KBGS. Meskipun keupayaan beliau dalam bidang pendidikan memang diakui oleh kerajaan namun mutu pendidikan yang rendah di kalangan para guru menjadikan tugasnya lebih sukar.¹⁴⁴ Tugas ini benar-benar mencabar kesabaran sedangkan gaji yang diterima tidaklah setimpal dengan bebanan tugas yang dipikul.¹⁴⁵ Di bawah penyusunan semula ini, usaha

¹⁴² SUK Kedah 1390/1348 Additional in Management and Constitution of Malay Girls' School, Kampong Bharu.

¹⁴³ Ibid. Lihat di bawah tajuk “Malay Girls’ School, Kampong Bharu: Suggestions re terms of reference in SC 1350/48 put forward by the Head Mistress and Superintendent of Education for Consideration of the Committee.” Nama Che Tom dicadangkan sebagai Penolong Guru Besar berdasarkan pengalamannya dan kebolehannya bertutur bahasa Inggeris. Beliau pernah memangku tugas Cik Waddell sewaktu wanita ini bercuti.

¹⁴⁴ CO 716 Kedah Annual Report 1349 (29 Mei 1930 – 18 Mei 1931), hlm. 35.

¹⁴⁵ SUK Kedah 3101/1348 Superintendent of Education. Proposed appointment of Cik M. B. Lewis as Lady Supervisor of Girls' Schools. Tugas penyeliaan sekolah perempuan di seluruh negeri Kedah terpaksa dilakukan pada hari Ahad (KBGS ditutup pada hari berkenaan) dengan diberi elauan \$50.00 sebulan. Angka ini dianggap tidak berpatutan oleh Cik Lewis kerana beliau perlu bekerja 20 jam

juga telah dibuat untuk mengajar secara tersusun pelajaran kebersihan, lukisan, ilmu alam sementara kerja tangan semakin dipelbagaikan. Latihan jasmani juga turut diperkenalkan untuk semua darjah. Menurut Cik Lewis terdapat peningkatan dalam minat dan tanggungjawab di kalangan pelajar “tua” dan yang muda.¹⁴⁶

Pada 1934, satu lagi jawatankuasa khas dibentuk yang juga di anggotai oleh ahli yang sama dengan jawatankuasa sebelumnya kecuali Tunku Kassim yang telah dilantik bagi menggantikan Tunku Mohammed. Jawatankuasa ini dibentuk untuk mengkaji semula cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa 1929 kerana banyak cadangan tersebut tidak dapat dijalankan malah bantuan-bantuan yang dipohon daripada kerajaan masih belum diperolehi. Sehingga 1929, tarian masih menjadi matapelajaran penting dan sehingga tarikh itu juga KBGS masih merupakan sekolah aliran Inggeris sepenuhnya. Antara tiga sebab penting mengapa perjalanan KBGS tidak begitu sempurna selepas cadangan jawatankuasa 1929 ialah:

1. Pelajaran

Jadual pelajaran memberi tumpuan berlebihan kepada bahasa Inggeris sementara pengajaran mata pelajaran lain dalam Jawi hanyalah 12%. Di darjah-darjah yang lebih tinggi mata pelajaran Jawi diperkurangkan kepada 8% sahaja. Dengan demikian KBGS masih kelihatan sebagai sebuah sekolah Inggeris sepenuhnya.

2. Peraturan Darjah

Mengikut peraturan yang ditetapkan, murid-murid di bahagikan kepada enam bahagian dengan setiap seorang guru terpaksa mengajar dua bahagian dalam satu masa. Namun peraturan ini tidak boleh diikuti sepenuhnya kerana ada juga murid-murid yang masih tidak tahu membaca meskipun sudah cukup setahun berada di dalam sesuatu darjah. Ini adalah

seminggu di KBGS (sebagai Guru Besar dan pengajar mata pelajaran), terpaksa melakukan 300 batu perjalanan untuk tugas penyeliaan sekolah-sekolah perempuan, kehilangan 4 ½ kali hari Ahad (daripada lima Ahad), kehilangan tiga kali hari Sabtu (daripada lima Sabtu), terpaksa melakukan tugas-tugas perkeranian, mengajar guru-guru yang tidak terlatih, melakukan tugas penghantaran barang-barang yang diperlukan untuk mata pelajaran jahitan ke sekolah-sekolah perempuan dan pelbagai lagi tugas.

¹⁴⁶ *Ibid.*, hlm. 34.

kerana mereka masuk dalam usia yang melebihi had umur yang ditetapkan.

3. Perbelanjaan

Jumlah murid sangat tidak mencukupi. Pada masa ini jumlahnya sekadar 46 orang. Jika bilangan ini tidak mencapai 100 orang, perbelanjaan untuk setiap seorang murid akan menjadi lebih tinggi. Pada masa ini perbelanjaan untuk setiap orang murid ialah \$278.69 setahun.¹⁴⁷

Berdasarkan masalah-masalah ini Jawatankuasa 1934 telah menggariskan beberapa ketetapan yang harus dijalankan di KBGS. Antaranya, pelajaran dalam bahasa Melayu perlu diajar dengan sempurna; murid-murid mestilah diajar bahasa Inggeris sehingga sama taraf dengan apa yang dipelajari oleh murid-murid lelaki darjah empat sekolah Inggeris kerajaan; dan murid-murid mesti diajar pelajaran rumahtangga serta jahitan, kesihatan dan masak memasak.

Satu lagi masalah yang ditimbulkan pada 1934 ialah bilakah masanya matapelajaran bahasa Inggeris harus mula diajar dan bagi matapelajaran lain seperti kira-kira, ilmu kesihatan, ilmu alam dan tulisan rumi adakah patut diajar dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris? Akhirnya jawatankuasa ini menetapkan supaya pelajaran bahasa Inggeris dan matapelajaran lain diajar seperti jadual 5.7.

¹⁴⁷ SUK Kedah 1561/1353 Superintendent of Education 16 Ogos 1934. Report of the Committee Appointed to Enquire into the Organization of the Kampong Baharu Girls' School, Alor Setar.

Jadual 5.7 Peraturan Pengajaran Matapelajaran di KBGS, 1934

	Bahasa Inggeris	Jawi	Ugama	Hal Rumahtangga
Tahun Pertama (100%)	10% bercakap sahaja	80% termasuk semua perkara dan kerja tangan	10%	-
Tahun Kedua (100%)	10% bercakap dan 10% Rumi dengan bahasa Inggeris	65%	10%	5%
Tahun Ketiga (100%)	30% bercakap dan menulis serta Ilmu Kesihatan	50% termasuk Kira-kira dan Ilmu Alam	10%	10%
Tahun Keempat (100%)	50% bercakap dan menulis, Kira-kira dan Ilmu Alam dengan bahasa Inggeris	20%	10%	20%
Tahun Kelima (100%)	- sama -	10%	10%	30%

Sumber: *SUK Kedah 1561/1353 Superintendent of Education 16 Ogos 1934. Report of the Committee Appointed to Enquire into the Organization of The Kampong Baharu Girl's School, Alor Setar.*

Berdasarkan jadual 5.7 ini, bahasa Inggeris mula diajar dengan peratusan kecil kepada murid darjah satu dan dua iaitu sebanyak 10% sementara di darjah tiga, Bahasa Inggeris diajar sebanyak 30% iaitu dalam perbualan lisan dan mata pelajaran kesihatan. Peratusan ini meningkat kepada 100% dalam darjah empat dan lima dengan 50% dikhkususkan untuk perbualan lisan dan tulisan sementara 50% lagi diperuntukkan untuk matapelajaran ilmu kira-kira dan ilmu alam. Pelajaran jawi diperkenalkan sebanyak 80% di darjah satu dalam semua mata pelajaran. Peratusan ini dikurangkan untuk darjah yang lebih tinggi. Matapelajaran agama pula meliputi 10% pengajaran di semua peringkat. Seni rumahtangga tidak diajar untuk kanak-kanak darjah satu. Mata

pelajaran ini hanya diperkenalkan untuk murid darjah dua sebanyak 5% sahaja. Pengajaran seni rumah tangga mencapai 30% jumlah pengajaran di darjah lima.

Jawatankuasa ini juga berpendapat tujuan dan aturan tersebut tidak boleh dijalankan melainkan sekolah tersebut dibahagikan kepada lima darjah dengan lima orang guru termasuk Guru Besar. Dari jumlah ini dua orang mestilah guru Melayu yang dibayar gaji setaraf guru sekolah Melayu dan selebihnya ialah guru bahasa Inggeris. Jawatankuasa juga mencadangkan umur murid-murid perlu dihadkan dengan mereka yang berumur lebih daripada lapan tahun tidak dibenarkan masuk belajar di KBGS. Jawatankuasa ini menetapkan hanya 60 kanak-kanak sahaja layak diterima di sekolah untuk diagihkan kepada empat darjah dengan 15 orang murid setiap darjah. Cadangan ini berbeza daripada cadangan tahun 1929 dari segi:

1. Ketiadaan dua orang guru sekolah Melayu menjadi Guru Penolong pada 1929
2. Pada 1929 juga kanak-kanak yang berusia lebih daripada 10 tahun masih dibenarkan masuk belajar di KBGS.¹⁴⁸
3. Berkenaan pelajaran bahasa Melayu yang diajar selama enam tahun diakui murid-murid yang sampai darjah tinggi sekali pun hanya dapat pelajaran yang setara dengan murid-murid sekolah Jawi darjah empat.
4. Pada 1929, hanya ada tiga darjah dengan dua bahagian untuk setiap darjah.

Kelonggaran juga dibuat oleh Jawatankuasa 1934 berhubung murid-murid yang telah tamat darjah yang paling tinggi. Bagi yang enggan berhenti sekolah mereka dibenarkan mengulang selama dua tahun di darjah yang tertinggi. Namun dari sudut lain Jawatankuasa bertegas memberhentikan murid-murid yang gagal daripada dinaikkan

¹⁴⁸Ibid. Pada 1934 itu terdapat tujuh orang yang berusia lebih 10 tahun sedang belajar di KBGS. Ketujuh-tujuh orang kanak-kanak ini juga tidak dimasukkan dalam darjah yang rendah sekali.

ke darjah seterusnya selepas tiga tahun berada dalam darjah yang sama.¹⁴⁹ Bagi mengatasi masalah pelajar yang semakin berkurangan Jawatankuasa mencadangkan “patut di-keluar siaran kepada member-member Ruling House dan pegawai-pegawai Kedah Civil Service, dan orang baik-baik supaya di-beri mereka itu ketahui di atas pindaan aturan pelajaran sekolah serta di-harap ibu bapa kanak-kanak faham dengan sangat gengg2nya wajib-lah di-tinggalkan kanak-kanak itu lima tahun sa-lama-nya di-sekolah.”¹⁵⁰

KBGS terus menjadi sekolah untuk anak-anak raja dan pegawai tinggi kerajaan sehingga 1934 apabila Cik Lewis mengemukakan cadangan untuk membuka sekolah tersebut kepada rakyat jelata. Usul ini ditolak kerajaan kerana bangunan sekolah berkenaan terlalu lama dan hanya dapat menampung 60 orang murid sahaja. Kerajaan, walau bagaimanapun, telah membenarkan lebih ramai lagi anak pegawai kerajaan belajar di sekolah tersebut.¹⁵¹ Pada 1936 timbul satu lagi isu berhubung samada perlu mengajar lebih banyak bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Isu ini muncul ekoran kedudukan KBGS sebagai sebuah sekolah aliran Inggeris yang tidak begitu jelas dari segi bahasa pengantar (samada bahasa Inggeris atau bahasa Melayu). Perkara ini pernah ditimbulkan oleh Cik Lewis setelah enam bulan menjadi Guru Besar sekolah berkenaan. Menurut Lewis misi KBGS hanya boleh tercapai sekiranya ia secara beransur-ansur ditukar menjadi sebuah sekolah Inggeris sepenuhnya. Pendapat ini disokong oleh E. C. Hicks, Penguasa Pelajaran waktu itu (1930) berdasarkan perkembangan setempat, misalnya, ibu bapa sebenarnya boleh menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah perempuan Melayu untuk mendapatkan pelajaran secara percuma daripada

¹⁴⁹Ibid.

¹⁵⁰Ibid.

¹⁵¹The Gate, hlm. 17.

membayar yuran \$2.00 sebulan kepada KBGS yang tidak jelas dasar bahasa pengantarnya.¹⁵² E. La Ma. Stowell, Penguasa Pelajaran pada 1936, dengan persetujuan Tunku Mahmud (Pemangku Sultan), telah membuat keputusan membenarkan hanya 30% sahaja mata pelajaran diajar dalam Bahasa Inggeris sedangkan ibu bapa menggesa diajar lebih banyak dalam bahasa Inggeris untuk meningkatkan penguasaan anak-anak perempuan terhadap bahasa tersebut. Tidak dapat dipastikan mengapa keputusan ini dibuat namun seorang pegawai kerajaan pernah menyebut “little education is sufficient, for a woman's place is at home.”¹⁵³ Tindakan ini menyebabkan mutu bahasa Inggeris merosot. Bahasa tersebut hanya diajar di darjah dua hingga darjah empat sementara subjek-subjek lain diajar dalam bahasa Melayu.¹⁵⁴ Selepas Perang Dunia Kedua satu lagi perubahan besar berlaku apabila sekolah ini dibuka semula dengan membuka pintunya kepada kanak-kanak daripada bangsa lain. Perubahan ini dibuat setelah kerajaan mendapati peningkatan bilangan pelajar-pelajar di KBGS amat perlahan, misalnya, sebelum perang hanya terdapat 25 orang di sekolah berkenaan. Ianya berpunca daripada polisi sekolah itu yang hanya menerima murid-murid Melayu daripada kalangan anak-anak golongan kerabat dan elit. Dengan perubahan ini, sekolah berkenaan berjaya meningkatkan bilangan pelajar kepada 107.¹⁵⁵

¹⁵² SUK Kedah 3092/1348 *Superintendent of Education, Teaching of English in Girls' School Kampung Baharu.*

¹⁵³ *Ibid.*

¹⁵⁴ Bahasa Melayu kini diajar di peringkat rendah kepada darjah satu dan dua dalam tulisan jawi sementara untuk darjah yang lebih tinggi ia diajar dalam rumi dan jawi.

¹⁵⁵ *Pejabat Pelajaran Kedah EOK 9/45 Superintendent of Education 5 Oktober 1945. Re-opening of English Girls' School, Kampung Baru, Alor Setar.* Seramai 107 orang kanak-kanak telah mendaftar di sekolah berkenaan sebaik ia dibuka semula. Jumlah ini termasuk murid-murid yang ingin menyambung semula persekolahan mereka yang tegendala akibat perang. KBGS secara rasminya dibuka semula pada 20 Oktober 1945. Mulai tarikh itu murid-murid lama yang ingin menyambung semula pelajaran dan murid-murid baru dari pelbagai bangsa boleh mula mendaftar nama.

Secara umumnya, surat petisyen yang dihantar oleh penduduk tempatan baik dari golongan kerabat mahupun rakyat kepada kerajaan untuk memohon pembukaan sekolah perempuan yang baru atau memohon bantuan bagi sekolah perempuan yang bakal dibina oleh penduduk kampung sendiri sebenarnya membuktikan prinsip “*a properly established girl's school*” yang dianut Tunku Yahya, Pengusaha pelajaran yang pertama, semakin berkembang di Kedah setelah kedatangan penjajah. Meskipun tidak mudah pula untuk memenuhi sekolah dengan kehadiran yang stabil akibat beberapa masalah seperti prejudis yang masih menebal terhadap apa sahaja yang dibawa dari barat, prejudis terhadap perlunya anak perempuan diberi pelajaran, masalah kemiskinan dan pengaruh ekonomi tradisional yang menjadikan sekolah lenggang sewaktu musim menanam dan menuai padi, masalah penyakit dan pengangkutan namun kesungguhan penduduk di beberapa kawasan memohon sekolah perempuan di bina di kawasan mereka menunjukkan kesedaran yang semakin meningkat untuk melengkapkan anak-anak perempuan dengan pendidikan yang minima. Selain menjadikan mereka “surirumah yang baik,” pendidikan yang diberikan diharap dapat membebaskan wanita Melayu daripada tertipu oleh golongan pemutang. Kesedaran yang semakin meningkat ini sebenarnya bercanggah pula dengan hasrat kerajaan yang lebih cenderung melihat lebih ramai kanak-kanak lelaki bersekolah kerana menganggap kaum lelaki bakal menerajui keluarga dan ekonomi. Dengan matlamat sebegini tidak menghairankan mengapa sehingga selepas Perang Dunia Kedua bilangan sekolah perempuan yang didirikan oleh kerajaan Kedah tidak berkembang berbanding sekolah lelaki meskipun ada tuntutan daripada rakyat jelata.¹⁵⁶

¹⁵⁶ *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Kedah*, hlm. 11. Salah satu peninggalan pendidikan semasa Jepun ialah sekolah campuran lelaki dan perempuan. Sehingga 1948, Kedah kekal dengan lima sekolah perempuan dan 82 sekolah lelaki dan campuran.